Pendakwa Raya lwn Lim Hung Wang dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO MT(3) 45–34 TAHUN 2008
MOHD ZAWAWI SALLEH H
17 MEI 2012

Keterangan — Keterangan ikut keadaan — Beban pembuktian — Sama ada pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie — Sama ada keterangan DNA ahli kimia boleh diterima pakai

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tertuduh-tertuduh didapati disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati mandatori — Sama ada terdapat keraguan mengenai identiti-identiti ekshibit-ekshibit

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(1)(a) — Pengedaran 29,460.17g dadah jenis memphetamine — Sama ada tertuduh gagal atas imbangan kebarangkalian untuk mematahkan anggapan statutori pengedaran di bawah s 37 (da) Akta

Bertindak atas maklumat bahawa akan berlaku pengedaran dadah di sebuah kilang, sepasukan polis menyerbu sebuah kilang dan menangkap dua lelaki cina dan tiga lelaki Mexico ('kelima-lima tertuduh'). Mereka menjumpai, antara lain, bekas-bekas plastik berisi hablur dan cecair, peralatan-peralatan serta bahan kimia yang kemudiannya disahkan oleh ahli kimia ('SP4') sebagai memphetamine. Kesan-kesan kontaminasi memphetamine juga dijumpai pada bekas-bekas dan peralatan-peralatan di kilang tersebut dan sebanyak 22 bahan telah ditandakan sebagai ekshibit. Di samping itu, SP4 juga mendapati kesan-kesan memphetamine pada kemeja T tertuduh pertama, seluar jeans tertuduh kedua, baju tertuduh ketiga dan *hand swabs* tertuduh kedua dan keempat. SP4 kemudiannya menerima semula 15 paket plastik ekshibit daripada pegawai bertugas ('SP13') kerana didapati beberapa ekshibit telah hilang dan terdapat kesan-kesan kacauganggu. Seorang lagi ahli kimia telah menerima beberapa ekshibit lain daripada SP13 dan analisis mendapati profail-profail tertuduh. Kelima-lima tertuduh dituduh di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') yang boleh dihukum di bawah s 38B(2) Akta yang sama dan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan ('Kanun') bagi kesalahan pengedaran 29,460.17g dadah jenis memphetamine. Di akhir kes pendakwaan, kelima-lima tertuduh didapati bersalah, disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati mandatori. Kelima-lima tertuduh merayu terhadap

kedua-dua perintah dan hukuman tersebut. Peguambela menegaskan bahawa perkataan-perkataan seperti 'making, producing, compounding and assembling', 'refining or transformation' dan 'activities' dalam s 2 Akta adalah merupakan kata kerja aktif dan tidak mencerminkan 'overt act' di pihak kelima-lima tertuduh. Seterusnya, peguambela mempertikaikan sama ada terdapat keraguan mengenai identiti-identiti ekshibit-ekshibit dan sama ada keterangan DNA SP12 boleh diterima pakai. Timbalan pendakwa raya, sebaliknya, menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan melalui keterangan ikut keadaan bahawa kelima-lima tertuduh terlibat dalam kegiatan pembuatan memphetamine. Dalam kes ini satu penghakiman asing telah disediakan kerana peguambela membuat permohonan kepada Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan supaya keputusan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie, dikaji semula di bawah s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK'). Namun begitu, rayuan ini ditarik balik kerana Mahkamah Persekutuan mendapati permohonan tersebut tidak teratur dan merupakan penyalahgunaan proses mahkamah. Mahkamah ini menimbangkan keterangan-keterangan kelima-lima tertuduh.

Diputuskan, menyabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman mati terhadap kelima-lima tertuduh:

(1) Aktiviti-aktiviti yang diliputi tafsiran s 2 Akta amat luas. Pembuktian milikan boleh dibuat melalui keterangan terus, keterangan ikut keadaan atau anggapan statutori. Mahkamah mengesahkan keputusan mahkamah bawahan yang membuat dapatan fakta berdasarkan penemuan pelbagai peralatan, bahan-bahan kimia, kesan-kesan memphetamine, bahan-bahan berhablur, sisa-sisa cair dan kontaminasi perkakas-perkakas lain. Selain itu, beberapa pakaian tertuduh-tertuduh juga mempunyai kesan-kesan memphetamine dan profail DNA kelima-lima tertuduh juga dijumpai pada kesemua barang-barang kes. Kelima-lima tertuduh juga mengetahui dan terlibat dalam pembuatan memphetamine kerana sudah berada selama empat hari di tempat kejadian. Mereka bukanlah berada di premis secara kebetulan untuk berkerja tetapi memproses memphetamine tersebut dan ekshibit salah berada dalam milikan bersama mereka (lihat perenggan 22).

(2) Jelas terdapat kacauganggu seperti yang dinyatakan oleh SP4 namun ia hanya berhubung dengan beberapa ekshibit tertentu yang telah diserahkan semula. Tidak terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa ekshibit-ekshibit berkenaan telah ditukar/ganti dan/atau diubah sebelum dihantar untuk analisa. Tanpa keterangan tersebut, pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengendalian ekshibit-ekshibit berkenaan hendaklah dianggap menjalankan tugas mereka dengan penuh integriti (lihat perenggan 29).

(3) Kelayakan akademik dan pengalaman SP12 memenuhi kehendak-kehendak untuk menjadi seorang saksi pakar. Makmal DNA serta peralatan di Jabatan Kimia Malaysia serupa dengan makmal-makmal lain di seluruh dunia dan prosedur yang dijalankan dalam menjalankan ujian DNA merupakan prosedur yang diterimapakai oleh para saintis antarabangsa. Kedua-dua orang ahli kimia adalah berkompeten dan telah menjalankan pemeriksaan dan analisis yang diperlukan. Tiada alasan bagi mahkamah menolak keterangan mereka kerana tiada apa-apa aspek keterangan mereka yang 'incredible' (lihat perenggan 39).

(4) Keterangan DNA jika berdiri sendiri mungkin tidak mencukupi untuk mengaitkan tertuduh dengan kesalahan yang dipertuduhkan tetapi ia boleh menjadi 'corroborative stand' yang boleh menjadi satu tali kukuh untuk mensabitkan tertuduh jika disambungkan dengan keterangan-keterangan lain (lihat perenggan 33).

(5) Keterangan kelima-lima tertuduh bahawa mereka adalah tukang cuci di kilang tersebut adalah tidak munasabah. Berdasarkan keterangan ikut keadaan yang terdapat dalam kes ini, tertuduh-tertuduh berada di premis kilang tersebut bertujuan untuk membuat memphetamin. Keterangan tertuduh ketiga, keempat dan kelima, iaitu tiga beradik dari Mexico, bahawa mereka sebenarnya dijanjikan pekerjaan di Singapura juga tidak diterima. Mahkamah memutuskan bahawa kelima-lima tertuduh gagal atas imbangan kebarangkalian untuk mematahkan anggapan statutori pengedaran di bawah s 37(da) Akta (lihat perenggan 50, 51 & 64).

[English summary

Acting on an information that there would be drug trafficking activities at a factory, a team of police party ambushed the factory and arrested two Chinese man and three Mexican ('the five accused'). They found, inter alia, plastic containers containing crystals and liquid, equipments and chemicals which were subsequently confirmed by the chemist ('SP4') as memphetamine. The traces of memphetamine contamination was also found on the containers and the equipment on the factory and 22 materials had been marked as exhibits. Apart from that, SP4 also found the traces of memphetamine on the T-shirt of the first accused, on the jeans of the second accused, the shirt of the third accused and hand swabs of the second and fourth accused. SP4 then received again 15 exhibit plastic packets from the officer in charge ('SP13') as few exhibits were found to be missing and there were marks of nuisance. Another chemist received a few other exhibits from SP13 and the analysis found the profile of the accused persons. The five accused persons were charged under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') punishable under s 38B(2) of the same read with s 34 of the Penal Code ('Code') for trafficking 29,460.17g of memphetamine drugs. At the end of the prosecution's case, all the five accused were found guilty, convicted and sentenced to mandatory

death sentence. All the five accused appealed against both the order and sentence. The defence counsel contended that the words 'making, producing, compounding and assembling', 'refining or transformation' and 'activities' in s 2 of the DDA were active adjectives and did not reflect 'overt act' on the five accused. Further, the defence counsel disputed whether there was doubt as to the identities of the exhibits and whether the DNA evidence of SP12 applicable. The deputy public prosecutor, on the other hand, submitted that the prosecution was successful in proving the circumstantial evidence that all the five accused were involved in the activities of producing memphetamine. In this case a separate judgment was prepared as the defence counsel had applied to the Court of Appeal and the Federal Court that the decision that the prosecution had been successful in establishing a prima facie case, be reviewed under s 3 of the Courts of Judicature Act 1964 ('CJA'). However, the appeal was withdrawn as the Federal Court found that the application was irregular and was an abuse of the court process. This court considered the evidence of all the five accused persons.

Held, convicting and sentencing all the five accused to death:

(1) The activities covered by the definition of s 2 of the DDA are very wide. Proof of possession can be made by direct evidence, circumstantial evidence or statutory presumption. The court affirmed the lower court's decition which made findings of facts based on the finding of various equipment, chemicals, traces of memphetamine, crystal materials, liquid residue, and contamination of other equipments. Apart from that, some of the clothes of the accused persons also found to contain traces of memphetamine and the DNA profiles of the five accused were found on all the case materials. All the accused also had knowledge and was involved in producing the memphetamine as they had been at the scene for four days. They were not at the premise accidentally to work but to process the memphetamine and the wrongful exhibits was in their joint possession (see para 22).

(2) It was obvious that there were nuisance as stated by SP4 but it was only pertaining to a few exhibits which had been returned. There was no evidence to show that the exhibits had been changed/replaced and/or varied before sent for analysis. Without the exhibits, the officers involved in the handling of the exhibits must be presumed to have carried out their duties with full integrity (see para 29).

(3) SP12's academic qualification and experience fulfilled the requirements for an expert witness. The DNA laboratory and the equipments at the Chemistry Department of Malaysia was the same as any other laboratories in the world and the procedure which was followed in carrying out the DNA test was a procedure which was applied by international scientists. Both chemists were competent and had

conducted the necessary inspection and analysis. There was no reason for the court to dismiss their evidence as none of their evidence was incredible (see para 39).

(4) The DNA evidence, on its own, might not be sufficient to connect the accused to the offence charged but it could be 'corroborative stand' which could become a strong rope to convict the accused if joined with other evidence (see para 33).

(5) The evidence of the five accused that they were the cleaners at the factory was not reasonable. Based on the circumstantial evidence available in this case, the accused were at the factory premises for the purposes of producing memphetamine. The evidence of the third, fourth and fifth accused, ie the three brothers from Mexico, that they were actually promised with job in Singapore was also inadmissible. The court decided that all the five accused had failed on the balance of probabilities to rebut the statutory presumption of trafficking under s 37(da) of the DDA (see paras 50, 51 & 64).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai beban pembuktian, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 771.

Untuk kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 196.

Untuk kes mengenai s 39B(1)(a), lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 445–492.

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah Zawawi bin Yusoff v PP [1993] 3 MLJ 1, MA (dirujuk)

Arumugam Periasamy v PP [2005] 3 CLJ 685, MR (dirujuk)

Azhar bin Lazim v PP [2012] 5 MLJ 1; [2012] 1 LNS 262, MR (dirujuk)

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Chan Kwee Fong v PP [2010] 1 MLJ 441; [2010] 3 CLJ 671, MR (dirujuk)

Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)

Dearie Glen Hunt v State of Oklahoma [1989] OK CR 14 (dirujuk)

Ganapathy a/l Regasamy v PP [1998] 2 MLJ 577, MP (dirujuk)

Gunalan a/l Ramachandran & Ors v PP [2004] 4 MLJ 489; [2004] 6 AMR 189; [2004] 4 CLJ 551, MR (dirujuk)

Gunasegaran a/l Singaravelu v Public Prosecutor [2009] 7 MLJ 761, MT (dirujuk)

Hanafi bin Mat Hassan v PP [2006] 4 MLJ 134; [2006] 3 CLJ 269, MR (dirujuk)

Ibrahim Mohamad & Anor v PP [2011] 4 CLJ 113, MP (dirujuk)

Junaidi bin Abdullah v PP [1993] 3 MLJ 217, MA (dirujuk)

Lim Hung Wang & Ors v PP [2011] 9 MLJ 752; [2011] 7 CLJ 318, MT (dirujuk)

Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)
Mat v PP [1963] MLJ 263 (dirujuk)
Md Masud Rona Md Mofizudin lwn Pendakwa Raya [2011] 1 MLJ 538, MR (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169, MA (dirujuk)
Ong Ah Chuan v PP; Koh Chai Cheng v PP [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 LNS 181, PC (dirujuk)
Pang Chee Meng v PP [1992] 1 MLJ 137, MA (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19, MP (dirujuk)
Pendakwa Raya v Aedy bin Osman [2019] MLJU 39; [2009] 1 LNS 13, MT (dirujuk)
Pendakwa raya v Kang Ho Soh [1992] 1 MLJ 360; [1991] 3 CLJ 2914, MT (dirujuk)
People v Lagata , GR No 135323, June 25, MP (dirujuk)
PP v Abd Latif bin Sakimin [2005] 6 MLJ 351, MT (dirujuk)
PP v Alcontra a/l Ambross Anthony [1993] 1 CLJ 206, MT (dirujuk)
PP v Chia Leong Foo [2006] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649, MT (dirujuk)
PP v Denish a/l Madhavan [2009] 2 MLJ 194; [2009] 2 CLJ 209 (dirujuk)
PP v Ku Yahya Ku Bahari & Anor [2002] 1 CLJ 113, MR (dirujuk)
PP v Lam San [1991] 3 MLJ 426, MA (dirujuk)
PP v Letchumanan a/l Krishnan [2008] 3 MLJ 290 (dirujuk)
PP v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561; [1992] 4 CLJ 2086, MA (dirujuk)
PP v Loo Seng Yip [2004] 8 CLJ 491, MT (dirujuk)
PP v Mohd Al-Afizi bin Ithnin @ Abdul Jabar [2009] 7 MLJ 289; [2009] 7 CLJ 80, MT (dirujuk)
PP v Mohamed Ali [1962] MLJ 257 (dirujuk)
PP v Mohd Bandar Shah bin Nordin & Anor [2008] 4 MLJ 556; [2008] 4 CLJ 859, MR (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 (dirujuk)
PP v Muhamed bin Sulaiman [1982] 2 MLJ 320, MP (dirujuk)
PP v Tang Chew Weng [1969] MLJ 17 (dirujuk)
PP v Teh Cheng Poh [1980] 1 MLJ 251 (dirujuk)
PP v Tukiman bin Demin [2008] 4 MLJ 79; [2008] 8 CLJ 856, MT (dirujuk)
PP v Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89, PC (dirujuk)
PP v Zulkifli bin Arshad [2004] MLJU 152; [2010] 6 CLJ 121, MT (dirujuk)
R v Bates [2006] EWCA Crim 1359, MR (dirujuk)
R v Cullen [2012] SADC 50 (dirujuk)
R v Doheny and Adams [1997] 1 Cr App R 369, MR (dirujuk)
R v T [2010] All ER (D) 240 (Oct); [2010] 1 EWCA Crim 2439, MR (dirujuk)
Subramaniam a/l Arumugam v PP [2000] 2 MLJ 193; [2000] 2 CLJ 1, MP (dirujuk)
Surentheran a/l Selveraja v PP [2006] 1 MLJ 641; [2005] 2 CLJ 264, MR (dirujuk)
Syed Abu Bakar bin Ahmad v PP [1984] 2 MLJ 19, MP (dirujuk)

Tan Ong Keong v PP [2012] 5 MLJ 186, MR (dirujuk)
USA v William MaClaud 1986 US Dist Lexis 24488 (dirujuk)
Wan Yurillhami bin Wan Yaacob & Anor v PP [2010] 1 MLJ 749; [2010] 1 CLJ 17, MP (dirujuk)
Weimar vs The State of Oklahoma 1976 OK CR 252, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), (da), 38B(2), 39B(1)(a)
Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 s 6(1)
Akta Keterangan 1950 ss 45, 114(e)
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 3
Arizona Revised Statutes 13 [US] 3401(17), 3407(A)(4)
Kanun Acara Jenayah s 180(1), 182A(1)
Kanun Keseksaan s 34

Omar Saifuddin bin Jaafar (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak pendakwa raya.
Dzaki Ezhar bin Bahar (Shamsuddin & Co) bagi pihak tertuduh pertama.
Kitson Foong (Ahmad Zaidi bersamanya) (Ahmad Zaidi & Partners) bagi pihak tertuduh kedua, ketiga, keempat dan kelima.

Mohd Zawawi Salleh H:

PENGENALAN

[1] Kelima-lima tertuduh telah dituduh dengan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952) yang boleh dihukum di bawah s 38B(2) Akta yang sama dan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan kerana dikatakan memperedarkan dadah berbahaya, iaitu methamphetamine seberat 29,460.17g, pada 4 Mac 2008, jam lebih kurang 3.15 petang, di IPL Packing Industries Sdn Bhd, beralamat di No 55, Jalan Idaman 1/5, Senai Industrial Park, Senai, Johor Bahru, Johor. Butir-butir terperinci pertuduhan ialah seperti di eksh P2.

[2] Kes pihak pendakwaan ialah kesemua tertuduh telah melakukan kesalahan mengedar dadah melalui pembuatan (*trafficking via manufacturing*) methamphetamine seperti yang ditafsirkan di bawah tafsiran 'mengedar' s 2 ADB 1952. Pihak pendakwaan juga akan menggunakan anggapan statutori pengedaran di bawah s 37(da) ADB 1952 bagi membuktikan elemen pengedaran (lihat ucapan pembukaan di eksh P3).

[3] Di akhir perbicaraan, mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa apa-apa keraguan yang munasabah dan atas imbangan kebarangkalian, kelima-lima tertuduh telah gagal untuk mematahkan anggapan statutori pengedaran di bawah s 37(da)

ADB 1952. Justeru, kelima-lima tertuduh didapati bersalah dan disabitkan. Hukuman mati mandatori telah dijatuhkan ke atas kelima-lima tertuduh seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang.

[4] Kelima-lima tertuduh telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap kedua-dua perintah sabitan dan hukuman tersebut.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[5] Inti pati kes pendakwaan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) pada 3 Mac 2008, ASP Sivananthan a/l Vadivelo ('SP10') yang bertugas di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Bukit Aman, Kuala Lumpur telah menerima panggilan telefon daripada ASP Zainorin bin Ishak yang menghendaki beliau membantu dalam satu operasi pembenterasan dadah di Negeri Johor. Pada jam 2 petang, tarikh yang sama, SP10 bersama-sama dengan ASP Balasubramaniam a/l Rajoo ('SP5') yang bertugas sebagai ASP Gerakan/Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Bukit Aman dan 17 orang anggota telah bertolak ke Johor Bahru dan berehat di UTM Johor;

(b) Keesokan harinya, iaitu pada 4 Mac 2008, jam lebih kurang 12 tengahari, SP10, SP5 dan anggota-anggota lain telah diberi taklimat oleh ASP Zainorin, di mana tugasan mereka telah ditentukan. SP10 dikehendaki untuk membantu SP5 menjalankan satu serbuan di sebuah kilang yang beralamat No 55, Jalan Idaman 1/5, Senai Industrial Park Senai, Johor Bahru;

(c) SP5 kemudiannya telah membahagikan pasukan serbuan kepada empat kumpulan. Pasukan pertama diketuai oleh SP5 sendiri bersama dua anggota. Pasukan kedua diketuai oleh SP10 bersama dua anggota. Pasukan ketiga diketuai oleh D/Kpl Zulkefli bin Abdul Wahab bersama dua anggota. Pasukan keempat diketuai oleh D/SM Ab Halim bin Said bersama lapan anggota. Pasukan pertama dan pasukan keempat adalah dikehendaki menyerbu masuk ke premis kilang tersebut. Pasukan kedua pula dikehendaki menjaga bahagian sebelah kanan dan tepi kilang tersebut. Manakala pasukan ketiga dikehendaki menjaga di bahagian hadapan kilang tersebut;

(d) pada jam 2 petang, tarikh yang sama, keempat-empat pasukan telah bergerak ke kilang tersebut dan mereka sampai di tempat sasaran pada jam 3 petang. Pada jam 3.15 petang, SP5 telah mengarahkan SP10 dan anggota-anggota mereka menyerbu kilang tersebut;

(e) apa yang terjadi semasa serbuan telah dijelaskan oleh SP5 secara terperinci dalam keterangannya. Mengikut SP5, pintu hadapan kilang tersebut adalah merupakan satu pintu 'roller-shutter', (lihat gambar di

eksh P21(6)). SP5 berteriak/menyahut beberapa kali perkataan 'polis' dan 'buka pintu', tetapi tidak ada sesiapa yang datang membuka pintu tersebut. Kemudiannya, SP5 telah mengarahkan D/SM Abdul Halim bin Said untuk mengumpil pintu 'roller-shutter' dengan menggunakan peralatan 'kuku kambing' daripada bawah ke atas. Apabila terdapat ruang untuk merangkak masuk, SP5 bersama-sama anggota-anggota lain telah masuk ke dalam premis kilang tersebut;

(f) di dalam kilang tersebut, SP5 telah membuat pemeriksaan di bahagian bawah kilang tersebut di mana dijumpai sebuah kereta Honda Odessey bernombor pendaftaran SDL 5443L berwarna 'brown metallic', (lihat gambar-gambar di eksh P21(6) dan (7)). Kemudiannya, SP5 dan anggota-anggota telah pergi ke pintu belakang kilang (lihat gambar-gambar di eksh P21(12) dan (14)). Apabila pintu belakang tersebut dibuka, SP5 menjumpai dua lelaki Cina dan tiga lelaki Mexico (kemudiannya mereka dicamkan sebagai kelima-lima tertuduh). Mereka berada dalam ketakutan dan pakaian mereka tidak terurus seolah-olah baru sahaja selesai menjalankan kerja. Kelima-lima tertuduh telah digari dan dibawa ke tempat yang ada kerusi dan televisyen (lihat gambar di eksh P21(7)) untuk dibuat pemeriksaan. Kemudiannya, kelima-lima tertuduh dibawa ke kawasan di hadapan kilang tersebut;

(g) SP5 membuat pemeriksaan di dalam premis kilang tersebut. Keadaan kilang tersebut telah diterangkan oleh SP13. SP13 mengatakan kilang tersebut merupakan sebuah bangunan 114 tingkat 'detached factory', la mempunyai tiga bilik dan dua bilik air. Bilik pertama di tingkat bawah berukuran 10 kaki x 10 kaki. Pintu masuk adalah pintu kayu dan berkunci jenis tombol. Sebuah cermin dipasang di bahagian hadapan bilik sebelah pintu. Begitu juga dengan bilik kedua tingkat bawah. la berukuran 10 kaki x 10 kaki. Terdapat cermin dipasang di sebelah kiri dan kanan yang ditampal dengan plastik berwarna merah. Bilik ini dilengkapkan dengan alat penghawa dingin dan kipas. Bilik ketiga di tingkat bawah adalah tempat berehat dan tidur. Di tingkat atas terdapat satu ruang dewan yang besar dan terdapat satu bilik air (lihat gambar-gambar di eksh P19);

(h) SP5 telah menjalankan pemeriksaan terperinci di premis tersebut bermula dengan bilik pertama. SP5 telah menjumpai, antara lain, bekas-bekas plastik berisi bahan hablur dan cecair dipercayai methamphetamine, peralatan-peralatan serta bahan-bahan kimia yang dipercayai digunakan untuk membuat methamphetamine. Eksibit-eksibit yang dijumpai dan dirampas oleh SP5 ialah seperti yang dibutirkan dalam lima senarai pemeriksaan di eksh P129 (bagi tertuduh pertama), P130 (bagi tertuduh kedua), P131 (bagi tertuduh ketiga), P132 (bagi tertuduh keempat) dan P133 (bagi tertuduh kelima);

(i) Encik Muhammed Yazid Ibrahim, ahli kimia ('SP4') pula memberi

keterangan bahawa pada 4 Mac 2008, jam 7.30 malam, beliau bersama pembantu (kumpulan siasatan), dengan diiringi oleh ASP Sekam ak Anor, pegawai penyiasat ('SP13'), telah menjalankan pemeriksaan di premis kilang tersebut. SP4 menyatakan kilang tersebut mempunyai tiga bilik, dua ruangan iaitu ruang bawah dan atas, dua tandas di tingkat atas dan bawah serta ruangan laluan di sebelah kiri, kanan dan belakang (lihat enam lakaran yang dibuat oleh SP4 di eksh P23 A-F). SP4 telah menjalankan pemeriksaan selama dua hari berturut-turut di premis tersebut. Setiap bekas plastik, tong plastik, tong drum, tangki gas silindar, tin logam, alat thermometer (jangka suhu), dapur masak dan peralatan-peralatan lain yang dijumpai di premis kilang tersebut telah dibuat ujian untuk menentukan terdapat kesan-kesan dadah berbahaya seperti methamphetamine;

(j) SP4 seterusnya meminta SP13 menghantar barang-barang kes yang telah dibuat ujian ke Jabatan Kimia Johor Bahru untuk pemeriksaan lanjut iaitu pemeriksaan makmal. Selepas membuat analisis dengan menggunakan peralatan GCMS, SP4 mendapati dari keseluruhan dua item yang dihantar oleh pegawai penyiasat (SP13), methamphetamine yang beratnya ialah 29,460.17g iaitu 29kg dan 460.17g;

(k) pada keseluruhannya, SP4 mendapati bahawa barang-barang dan/atau peralatan di kedua-dua tingkat premis kilang tersebut mempunyai kontaminasi kesan-kesan methamphetamine;

(l) pada 7 Mac 2008, SP4 telah menerima 22 eksh yang masing-masing bertanda 'B1', 'B2', 'B3', 'B5', 'B7', 'B9', 'B12', 'B13', 'B14', 'B15', 'B16', 'B17', 'B29', 'B20', 'B30', 'B31', 'C150', 'C151', 'C190', 'E22', 'E25' dan 'E28' yang kesemuanya bermetrai 'POLIS DIRAJA MALAYSIA 53' daripada SP13. SP4 telah menjalankan analisis dan mendapati ia juga mengandungi methamphetamine;

(m) pada 19 Mac 2008, SP4 telah menerima satu kotak bertanda 'R' yang bermeterai 'POLIS DIRAJA MALAYSIA 539' daripada SP13 yang mengandungi tujuh sampul surat, masing-masing bertanda 'FF', 'GG', 'HHH' '1(a), '11(a), 'JJJ' dan 'L'. Dalam sampul-sampul surat tersebut, antara lain, terdapat kemeja, seluar, t-shirt dan sepuluh tiub plastik yang masing-masing berisi putik kapas yang berlabelkan dengan nama kelima-lima tertuduh;

(n) selepas analisis dibuat, SP4 mendapati bahawa terdapat kesan-kesan methamphetamine pada eksibit-eksibit berikut:

(i) T-shirt tertuduh pertama (P11 C(1));

(ii) seluar jeans biru berjenama 'Exhaust' tertuduh kedua (PUG(1)); dan

(iii) baju berjenama 'Camel' tertuduh ketiga (P11E(11)).

(o) SP4 seterusnya mengesahkan bahawa, kecuali tertuduh kedua dan tertuduh keempat, 'hand swab' tangan kanan atau kiri yang diambil oleh SP9 (PSP Safawi bin Mat Salleh) daripada semua tertuduh (P11H(1)–P11H(10)) di tempat kejadian mengandungi kesan methamphetamine;

(p) pada 18 September 2008, SP4 telah menerima 15 peket plastik bertanda 'S1', 'S2', 'S3', 'S4', 'S5' dan satu kotak bertanda 'S6' yang kesemuanya bermeterai 'POLIS DIRAJA MALAYSIA 539' daripada SP13. Eksibit-eksibit ini adalah eksibit-eksibit yang telah SP4 jalankan analisis dan telah diserahkan kepada SP13 sebelum ini. SP13 menghantar eksibit-eksibit tersebut kembali kepada SP4 kerana berlaku kehilangan beberapa eksibit di tempat simpanan polis. Eksibit-eksibit tersebut terdapat kesan-kesan dikacauganggu. Tujuannya ialah untuk dihantar kepada Jabatan Kimia, Petaling Jaya untuk dibuat analisis *drugs profiling* bagi menentukan dadah-dadah yang dijumpai adalah dari sumber yang sama;

(q) SP4 telah menyediakan laporan-laporan kimia mengenai kesemua analisis yang dibuatnya (lihat eksh P127 dan P128);

(r) Encik Mohd Izuan bin Othman, ahli kimia di Seksyen Serologi/DNA, Bahagian Forensik, Jabatan Kimia, Petaling Jaya ('SP12') telah menerima beberapa eksibit daripada SP13 untuk dijalankan analisis. SP12 mengesahkan bahawa profail kesemua tertuduh dijumpai pada ekshibit-ekshibit yang berikut:

(i) seluar dalam (P186); seluar dalam (P188) dan berus gigi (P200) — tertuduh pertama;

(ii) seluar dalam (P195) — tertuduh kedua;

(iii) sarung tangan (P202) — tertuduh ketiga;

(iv) kapas kesat (P211) — tertuduh keempat; dan

(v) sarung tangan (P194) — tertuduh ketiga, keempat dan kelima.

(s) pegawai penyiasat (SP13) dalam keterangannya menyatakan bahawa pada 4 Mac 2008, jam 6.20 petang, beliau telah diarahkan oleh pegawai atasannya untuk menjalankan siasatan di kilang tersebut. Apabila beliau sampai di kilang tersebut, beliau mendapati SP5 dan anggota-anggotanya masih berada di situ. Begitu juga dengan SP4 dan pasukannya;

(t) pada 5 Mac 2008, jam 4.30 pagi, SP5 telah menyerahkan kepada beliau kelima-lima tertuduh dan dua orang lagi tangkapan yang bernama Lai Kok Foh dan Lim Cheng Heng;

(u) dalam keterangannya, SP13 mengesahkan perkara-perkara yang berikut:

(i) barang-barang kes telah dijumpai di empat tempat berasingan di premis kilang tersebut, iaitu di bilik pertama di bahagian bawah, di bilik kedua bahagian bawah, di bahagian tengah bangunan kilang, kawasan belakang bangunan kilang dan di tingkat atas bangunan kilang;

(ii) beliau menerima beberapa pakaian dan barang-barang peribadi kelima-lima tertuduh daripada SP5;

(iii) beliau mengecam barang-barang yang dirampas di premis kilang semasa mahkamah bersidang di tempat kejadian dan semasa memberi keterangan di mahkamah;

(iv) beliau mengesahkan bahawa beberapa eksibit telah hilang dari simpanan polis dan beliau membuat laporan mengenainya melalui Senai Report No 3661/08 pada 20 Ogos 2008. Barang-barang yang tidak dapat dikemukakan di mahkamah ialah berus cat bertanda B18, lapan tin kosong bertanda C111–C118 dan satu peket plastik lut sinar berjenama formoda bertanda E95;

(v) beliau menyatakan, berdasarkan pengalaman beliau sebagai seorang anggota polis yang terlibat dengan operasi pembenterasan dadah, bahawa bilik pertama tingkat bawah adalah dipercayai digunakan sebagai stor untuk menyimpan bahan kimia, asid dan bahan-bahan lain. Bilik kedua tingkat bawah yang dilengkapi dengan alat penghawa dingin dan kipas adalah digunakan sebagai stor untuk menyimpan produk yang telah atau akan dikeringkan dengan alat penghawa dingin dan kipas. Bilik ketiga di tingkat bawah adalah tempat berehat dan tidur. Di bilik tersebut terdapat lapan buah tilam dan bantal dan juga makanan dalam tin dan makanan segera. Terdapat juga dapur dan peralatan memasak di bahagian luar bilik. Bilik tengah bangunan dipercayai digunakan sebagai tempat membersihkan produk dengan membersih dan menghilangkan asid. Tong-tong gas adalah dipercayai digunakan untuk menghasilkan campuran asid hidrolorik dengan mengeluarkan gas dan memasukkan sodium klorida dan asid sulfurik. Tingkat atas dipercayai digunakan sebagai tempat memproses 'meth' hidrokorik iaitu produk yang dihasilkan dengan cara mencampur gas hidroklorida dengan 'meth oil'. Arang atau pasir kumbahan kucing dan asid aseton adalah dipercayai digunakan untuk membersihkan produk. Setelah pembersihan dibuat, proses pembekuan dilakukan di bilik kedua di tingkat bawah;

(vi) beliau mengesahkan bahawa SP4 telah meminta beliau menghantar ke Jabatan Kimia Johor Bahru untuk analisis makmal barang-barang berisi cecair disyaki methamphetamine bertanda 'B1', 'B2', 'B3',

'B5', '7', 'B8', 'B12', 'B14', 'B15', 'B16', 'B17', 'B29', 'B30', 'B31', 'C150', '0151', 'C190', 'E22', 'E25' dan 'E28';

(vii) beliau mengesahkan bahawa pada 10 Mac 2008, beliau telah membawa kelima-lima tertuduh dan dua orang lain ke Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru untuk diambil sampel darah mereka oleh Dr Loon Wun Kee dan sampel darah tersebut dimasukkan ke dalam sampul bertanda 'Q' (P180). Seterusnya P180 diserahkan kepada SP12; dan

(viii) beliau mengesahkan bahawa Lai Kok Foh atau dikenali juga sebagai 'Sim Kok Peng' telah ditangkap pada 4 Mac 2008, jam lebih kurang 7 petang, di dalam sebuah kereta bernombor pendaftaran JFW 6800, di Kampung Melayu Majidee (lihat Polis Sentral 1086/08(ID249));

(v) Encik Looi Hock Lai ('SP6') mengesahkan bahawa beliau ialah tuan punya kilang tersebut dan telah menyewakananya kepada tertuduh kedua yang menggunakan kad pengenalan orang lain yang bernama Ong Chin Chye. Sewa premis ialah sebanyak RM4,600 sebulan dan bayaran dua bulan deposit telah dibuat sebanyak RM9,200. Tertuduh kedua membuat bayaran dengan memasukkannya ke dalam akaun bank SP6. Kilang tersebut ialah sebuah kilang kosong. SP6 mengesahkan bahawa eksibit-eksibit yang dirampas di premis kilang tersebut bukan kepunyaan beliau.

KEPUTUSAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[6] Beban adalah terletak di atas pihak pendakwaan untuk membuktikan kes prima facie terhadap kelima-lima tertuduh di akhir kes pendakwaan seperti yang diperuntukkan di bawah s 180(1) Kanun Prosedur Jenayah dan seperti dijelaskan oleh, antara lain, kes-kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734; dan *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457.

HUJAHAN PIHAK-PIHAK DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[7] Peguambela terpelajar tertuduh-tertuduh berhujah bahawa berdasarkan keterangan yang dikemukakan, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie terhadap kelima-lima tertuduh. Hujah-hujah yang dikemukakan oleh peguambela terpelajar tertuduh-tertuduh di peringkat akhir kes pendakwaan dan diulangi di akhir perbicaraan kes bolehlah

dibincangkan berdasarkan isu-isu yang berikut:

(a) sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap setiap tertuduh bagi kesalahan di bawah s 39B(1)(a) ADB 1952;

(b) sama ada terdapat keraguan mengenai identiti eksibit-eksibit; dan

(c) sama ada keterangan DNA oleh SP12 boleh diterima oleh mahkamah.

[8] Berhubung dengan isu (a), peguambela terpelajar berhujah bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan elemen-elemen yang diperlukan bagi membuktikan kesalahan di bawah s 39B(1)(a) ADB 1952. Adalah jelas bahawa asas kes pihak pendakwaan ialah untuk membuktikan pengedaran melalui pembuatan dadah berbahaya (*trafficking via manufacturing*) kerana dari segi definisinya dalam s 2, pengedaran termasuklah aktiviti membuat dadah berbahaya.

[9] Seksyen 2 ADB 1952 mentafsirkan pembuatan ('manufacturing'), dalam hubungannya dengan dadah berbahaya, sebagai termasuk:

(a) the making, producing, compounding and assembling of the drug;

(b) the making, producing, compounding and assembling of a preparation of the drug;

(c) the refining or transformation of the drug into another dangerous drug; and

(d) any process done in the course of the foregoing activities.

[10] Dihujahkan bahawa perkataan-perkataan 'making, producing, compounding and assembling', 'refining or transformation' dan 'activities' dalam s 2 di atas adalah merupakan kata kerja aktif ('active verbs'). Bagi menyokong hujah tersebut, peguambela terpelajar merujuk kepada autoriti-autoriti berikut:

(a) *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor; Koh Chai Cheng* [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 LNS 181 apabila Lord Diplock menyatakan:

> To 'traffic' in a controlled drug so as to constitute the offence of trafficking … involves something more than passive possession or self-administration of the drug; It *involves doing or offering to do an overt act of one or other of the kinds* specified in para (a) of the definition of 'traffic' and 'trafficking' in s 2. (Penekanan ditambah.);

(b) *Dearie Glen Hunt v State of Oklahoma* [1989] OK CR 14, 773 P 2nd 375; 1989 Okla Crim App LEXIS 12, apabila Justice Bussey berkata:

(the prosecution) must show (the appelant's) … performance of some overt act toward manufacture.

(c) *Weimar vs The State of Oklahoma*, 556, P 2nd 1020 (1976 OK CR 285) menyatakan:

> *Words used in any statute are to be understood in their ordinary sense, except when a contrary intention plainly appears or when they are specifically defined by statute.*
>
> *'Manufacture', in its ordinary sense, involves the making of products by hand or machinery* - per *Black's Law Dictionary* (5th Ed), 1979).
>
> Although extensive preparation had occurred in this case by the purchasing and bringing together of several items, there was no *evidence of an overt act to initiate the process of making the drugs themselves.* No reasonable jury could have found each essential element of the crime charged beyond a reasonable doubt. *Jackson v Virginia*, 443 US 307, 99 S Ct 2781, 61 L Ed 2d 560 (1979); *Spuehler v State* 709 P 2d 202 (Okl Cr 1985). (Penekanan ditambah.)

(d) *USA v William MaClaud* 86 – 00154-02; 1986 US Dist LEXIS 24488 menyatakan:

> The attempt to manufacture the drug charged *requires proof of a series of overt acts constituting substantial steps towards accomplishing the manufacture of methamphetamine*. (Penekanan ditambah.)

[11] Berdasarkan kepada prinsip undang-undang di atas, dihujahkan bahawa keterangan yang terdapat di hadapan mahkamah tidak menunjukkan apa-apa 'overt act' di pihak tertuduh-tertuduh. Peguambela terpelajar menarik perhatian mahkamah kepada keterangan-keterangan yang berikut di mana tiada keterangan yang boleh menunjukkan bahawa:

(a) tertuduh-tertuduh dilihat atau terlibat dengan aktiviti 'making, producing, compounding and assembling' methamphetamine di premis tersebut;

(b) tertuduh-tertuduh dilihat atau terlibat dengan aktiviti 'making, producing, compounding and assembling a preparation' methamphetamine di premis tersebut;

(c) tertuduh-tertuduh dilihat atau terlibat dengan aktiviti 'refining or transformation' methamphetamine menjadi dadah lain di premis tersebut;

(d) tertuduh-tertuduh dilihat atau terlibat dengan aktiviti 'doing or performing any process' yang dinyatakan dalam tafsiran (a), (b) dan/atau (c) tafsiran 'manufacturing';

(e) tertuduh-tertuduh dilihat membawa masuk, menyimpan,

menyembunyikan, mengangkut, membawa, menghantar, menyerah dan membekalkan eksibit-eksibit salah di premis tersebut; dan

(f) tertuduh-tertuduh dilihat atau mereka membeli, menjual, memberi atau menerima dan/atau menguruskan eksibit-eksibit salah di premis tersebut.

HUJAHAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA

[12] Timbalan pendakwa raya terpelajar mengakui bahawa tidak terdapat keterangan terus ('direct evidence') bagi membuktikan elemen pengedaran *via* pembuatan. Walau bagaimanapun, dihujahkan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya, melalui keterangan ikut keadaan ('circumstantial evidence'), membuktikan bahawa tertuduh-tertuduh terlibat dengan kegiatan pembuatan methamphetamine. Timbalan pendakwa raya terpelajar menarik perhatian mahkamah kepada keterangan-keterangan yang berikut:

(a) adalah tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa kilang tersebut adalah merupakan 'drug manufacturing setting'. Pelbagai peralatan dan bahan dadah dijumpai di lima bahagian berasingan dalam kilang tersebut, meliputi tingkat bawah dan tingkat atas kilang tersebut. Analisis SP4 (ahli kimia) menunjukkan bahawa bahan-bahan yang dirampas, antara lain, terdiri dari 29,460.17g methamphetamine. SP4 telah menjalankan pemeriksaan di kilang tersebut selama dua hari (4–5 Mac 2008) dan mendapati kesan-kesan methamphetamine dan pelbagai bahan kimia seperti *acetone, silicone, calsium, ion ferum, ion aluminium, ephedrine, pseudoephedrine,* dan *phenmetrazine* pada pelbagai peralatan dalam kilang. Methamphetamine juga dikesan pada, antara lain, bekas plastik, penapis (di Bilik II), tong plastik, berus cat, skop plastik (Bilik I), motor yang diubah suai, penutup plastik warna biru (Bilik III), (lihat laporan kimia di eksh P127). SP4 menyimpulkan bahawa premis kilang tersebut telah digunakan sebagai makmal haram untuk memproses methamphetamine;

(b) premis kilang tersebut bukan merupakan sebuah rumah kediaman biasa. Sebelum pasukan serbuan yang diketuai oleh SP5 masuk, pintu pagar kilang tersebut adalah berkunci dan pasukan serbuan telah melompat pintu pagar untuk masuk ke dalam kawasan kilang. Pintu hadapan kilang pula adalah dari jenis 'roller shutter' yang terpaksa diumpil sebelum SP5 dan pasukannya berjaya masuk. Ini menunjukkan mereka ingin menyembunyikan kegiatan yang mereka lakukan di dalam premis kilang tersebut. SP5 juga menyatakan bahawa kilang tersebut digunakan untuk memproses/membuat methamphetamine. Keterangan SP5 bahawa kilang tersebut digunakan untuk memproses methamphetamine disokong oleh keterangan ahli kimia (SP4);

(c) berhubung dengan tertuduh pertama, beliau didapati menggunakan kad pengenalan orang lain iaitu atas nama 'Tan Ah Koon'. Begitu juga dengan tertuduh kedua yang menggunakan kad pengenalan orang lain, iaitu atas nama 'Ong Chin Chye' apabila memasuki perjanjian sewaan (P159). Berdasarkan fakta ini, dihujahkan bahawa terdapat perancangan rapi oleh kedua mereka untuk mendapatkan sebuah kilang bagi tujuan membuat methamphetamine dan menyembunyikan identiti mereka yang sebenar;

(d) penggunaan kenderaan mewah iaitu Honda Odyssey. Adalah tidak munasabah kereta mewah digunakan oleh kelima-lima tertuduh jika menjalankan kerja-kerja biasa di kilang tersebut; dan

(e) terdapat 'nexus' antara kelima-lima tertuduh dengan eksibit-eksibit salah yang dijumpai dan dirampas dari kilang tersebut di mana ahli kimia (SP4) mengesahkan bahawa pakaian dan beberapa barangan peribadi yang dirampas daripada beberapa orang tertuduh mengandungi kesan methamphetamine.

KEPUTUSAN MAHKAMAH MENGENAI ISU (A)

[13] Seksyen 2 ADB 1952 mentafsirkan 'pengedaran' seperti berikut:

> 'trafficking' includes the doing of any of the following acts, that is to say, *manufacturing*, importing, exporting, keeping, concealing, buying, selling, giving, receiving, storing, administering, transporting, carrying, sending, delivering, procuring, supplying or distributing any dangerous drug otherwise than under the authority of this Act or the regulations made under the Act; (Penekanan ditambah.)

[14] Aktiviti-aktiviti yang diliputi oleh tafsiran di atas adalah amat luas. la menyenaraikan 18 aktiviti/perbuatan berlainan yang membentuk kesalahan mengedar. Pemakaian tafsiran 'pengedaran' adalah bergantung kepada konteks sesuatu kes. Dalam kes *Arumugam Periasamy v Public Prosecutor* [2005] 3 CLJ 685, Gopal Sri Ram HMR (sebagaimana beliau ketika itu) berkata:

> … Accordingly, we must not only hearken to the definition of trafficking under s 2 but also to the operative words with which that section opens. It says 'in this Act unless the context otherwise requires'. These words mean that the words defined in s 2 are to take effect and are to be applied accordingly to the factual context of each case. If the context does not admit the definition, then the words do not have application to the particular facts. This is a well-established canon of construction.

[15] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa pada umumnya sebelum tafsiran 'pengedaran' dapat digunakan, 'milikan' dadah hendaklah

dibuktikan terlebih dahulu. Dalam kes *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2006] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649, Augustine Paul Hakim (sebagaimana dia ketika itu) berkata:

> It must be observed that most of the acts that constitute 'trafficking' as defined in s 2 of the Act like, for example, keeping, concealing, storing, transporting and carrying dangerous drugs involve the prerequisite element of possession *unlike, for instance, the sale and supply of dangerous drugs which need not necessarily involve possession as demonstrated byPendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor* [1996] 3 MLJ 560. It follows that a person cannot keep, conceal, store, transport or carry dangerous drugs within the meaning of 'trafficking' in the Act without being in possession of them. Proof of further facts to establish any one of these acts is therefore sufficient to make out a case of trafficking. (Penekanan ditambah.)

[16] Dalam nada dan irama yang sama Abdul Malik bin Ishak HMR, dalam kes *Azhar bin Lazim v Public Prosecutor* [2012] 5 MLJ 1; [2012] 1 LNS 262 berkata:

> There are eighteen different acts stipulated in s 2 of the DDA that constitute the offence of trafficking. And before the 'trafficking' definition of s 2 of the DDA can be invoked, the prosecution must prove possession of the dangerous drugs by the appellant. Here, the High Court rightly held that the appellant had exclusive possession of the cannabis in question. In short, the appellant cannot be said to sell, transport or distribute the dangerous drugs within the meaning of the word 'trafficking' in s 2 of the DDA unless the appellant was in possession of the dangerous drugs. *In our judgment, it is sufficient to prove one of the acts in s 2 of the DDA to make out a case of trafficking against the appellant* (*Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649; *Mohamad Yazri bin Minhat v Pendakwa Raya* [2003] 2 CLJ 65; [2003] 2 AMR 404 (CA); *Public Prosecutor v Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor* [2002] 3 MLJ 401; [2002] 8 CLJ 814; [2002] 3 AMR 3457; *Arumugam Periasamy v Public Prosecutor* [2005] 3 CLJ 685 (CA); *Public Prosecutor v Hairul Din bin Zainal Abidin* [2001] 6 MLJ 146; [2001] 6 CLJ 480; and *Pendakwa Raya v Nik Ahmad Aman bin Nik Mansor* [2002] 6 CLJ 369; [2002] 2 AMR 2515). (Penekanan ditambah.)

[17] Persoalan sama ada bagi tujuan membuktikan kesalahan 'pembuatan' (*manufacturing*) dadah berbahaya memerlukan pembuktian milikan, sejauh yang mahkamah ini ketahui, tidak pernah diputuskan oleh mahkamah-mahkamah di Malaysia. Di Amerika Syarikat diputuskan 'manufacturing contains no possession element', (lihat Arizona Revised Statutes ('ARS') 13– 3401(17); 3407(A)(4)). Pihak-pihak tidak mengemukakan hujah mengenai isu ini. Oleh itu, mahkamah tidak bercadang untuk membincangkannya dengan lebih lanjut dalam penghakiman ini. Barangkali mahkamah atasan boleh memperjelaskan persoalan ini untuk dijadikan panduan pada masa hadapan.

[18] Walau apapun jua kedudukannya, pembuktian milikan boleh dibuat melalui keterangan terus ('direct evidence') atau keterangan ikut keadaan ('circumstantial evidence') atau melalui bantuan anggapan statutori di bawah s 37(d) ADB 1952. Dalam kes *Public Prosecutor v Tukiman bin Demin* [2008] 4 MLJ 79; [2008] 8 CLJ 856, saya berpeluang menyatakan di ms 867 seperti berikut:

> 21.1 At the outset, it should be observed that the prosecution did not present one scintilla of evidence affirmatively linking the accused with the drugs other than the presence of the drugs in his room. Of course, a conviction for possession of dangerous drugs may be predicated on circumstantial evidence. It is settled law that the drugs need not be found on the person of the accused, as long as it is found in a place under his custody or control. However, where the prosecution relies on wholly circumstantial evidence to prove possession of dangerous drugs, the circumstances shown, must, as in all other criminal cases, exclude every other reasonable hypothesis other than that of guilt; and proof amounting only to strong suspicion or a mere probability of guilt is insufficient to sustain a conviction (see *Idris v Public Prosecutor* [1960] 1 LNS 40 and *Public Prosecutor v Hanif Basree Abdul Rahman* [2008] 4 CLJ 1). The mere presence of controlled substance in the accused's room, as in the present case, without more, would be insufficient to sustain a conviction when possession of the premise is non-exclusive. The accused's custody or control over the offending drugs which were found in his room may be inferred if there are additional circumstances tending to buttress such an inference. These additional circumstances include: (1) incriminating statements by the accused; (2) attempted flight or furtive gestures; *(3) a drug manufacturing setting; (4) personal items owned by the accused mingle with the drugs, etc.* Simply finding drugs in a portion of the room accessible equally to other occupants and visitors, without more, would be insufficient to sustain conviction. The evidence must show that the accused had exclusive access, use or possession of the room where the contraband is found. (Penekanan ditambah.)

[19] Mahkamah Australia Selatan dalam kes *R v Cullen* [2012] SADC 50, telah memberi pandangan yang sama. Hakim Lovell berkata seperti berikut:

> A person has possession of an object if he knowingly has physical custody or control of it. Control includes the power to dispose of the object. He may have the object in his immediate possession, for example in his hand or in his pocket. Alternatively he may have it in a place where, although he does not have immediate control of it, he has the exclusive right or power to place his hands on it, for example property in his house.
>
> The essence of the concept of possession in law is that, at the relevant time, the person intentionally has control over the object in question. In this case, joint control. He must have the right to exclude other persons from possession. It is joint possession when each person has a share in the right to possess and the article is in

a place that is accessible. Joint possession does not involve fractional rights in the object or equal rights to some fractional part of the object but rights to the totality.

[20] Dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Al-Afizi bin Ithnin @ Abdul Jabar* [2009] 7 MLJ 289; [2009] 7 CLJ 80, Jeffery Tan H (sebagaimana dia ketika itu) berkata:

Two recent cases illustrate that even without actual physical custody, it could still be possession. In *Public Prosecutor v Karim AB Jabar* [2008] 3 MLJ 685; [2008] 5 CLJ 173, the respondent was tried under s 39B(1)(a) of the Act. The High Court made the following findings; (a) the respondent was driving motorcar PDJ 31 that the police party stopped; (b) members of the police raiding party did identify themselves as police officers to the respondent; (c) the respondent put up a scuffle and was promptly placed under arrest; (d) the police did find several packages containing dangerous drugs from the front passenger seat and the boot of the car. At the close of the case for the prosecution, the High Court acquitted and discharged the respondent without calling for his defence. On appeal, the Court of Appeal per Gopal Sri Ram JCA held that the proximity of the respondent to the drugs at the front passenger seat was a fact relevant to establish actual physical possession, and that given that the quantity of drugs was far in excess of that required for personal use, there ought to have been drawn from the totality of the evidence the inference that the respondent was conveying the drugs for the purpose of trafficking in it. In *Public Prosecutor v Abdul Rahman Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, the respondent was charged with trafficking in 4,826.9g of cannabis. The evidence was that one package under the driver's seat and two packages under the front passenger's seat in the car driven by the respondent contained cannabis. The respondent's defence was that although he knew the existence of the three packages in the car, which he claimed were put in the car by Jiri, he had no knowledge that they contained drugs. The respondent was convicted. The Court of Appeal held that the trial court had erred in admitting the cautioned statement, set aside the conviction under s 39B(2) of the Act and substituted with an offence under s 6, punishable under s 39A(2) of the Act, held that there was sufficient evidence establishing beyond doubt that the respondent had custody and control of the three packages, and invoked the presumption of possession. However, the Federal Court held that apart from the cautioned statement there was sufficient evidence to support the finding of the trial court, and that on the facts and in the circumstances it ought to be the finding that the respondent had possession of the drug independent of the statutory presumption under s 37(d) of the Act.

[21] Berhubung dengan pembuktian melalui keterangan ikut keadaan dalam konteks kes bunuh yang juga terpakai kepada kes-kes jenayah yang lain, saya telah berpeluang menyatakannya di dalam kes *Public Prosecutor v Letchumanan a/l Krishnan* [2008] 3 MLJ 290 seperti berikut:

[22] It is axiomatic under our case-law, and we cite the principle repeatedly, that circumstantial evidence alone may be sufficient to support a conviction for murder since the law makes no distinction between

circumstantial evidence and direct evidence and, if circumstantial evidence is used to provide for a conviction; it must be inconsistent with any other hyphothesis than that of guilt of the accused, (see eg *Kartar Singh & Anor v R* [1952] 2 MLJ 85; *Idris v Public Prosecutor* [1960] MLJ 296; *Sunny Ang v Public Prosecutor* [1966] 2 MLJ 195; *Karam Singh v Public Prosecutor* [1967] 2 MLJ 25; *Chong Kim Siong v Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 36; *Public Prosecutor v Hanif Basree bin Abdul Rahman* [2007] 2 MLJ 320 and *Juraimi bin Hussin v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 537).

[23] Where the evidence is wholly circumstantial, what has to be considered is not only the strength of each individual strand of evidence but also the combined strength of these strands when twisted together to make a rope. If the circumstantial evidence is such as to fall short of that strand, if it does not satisfy that test, if it leaves gaps, then it is no use at all, (see *Public Prosecutor v Haniff Basree bin Abdul Rahman* per Mohd Ghazali Yusoff JCA).

[24] In the cases where a chain of circumstantial evidence has been established by the prosecution, this court in dealing with evidence of this nature always adopts the views stated by of Faizal Ali J in delivering the judgment of the Supreme Court in *Ram Avtar v The State (Delhi Administration)* AIR 1985 SC 1692, which states:

> At the very outset we might mention that circumstantial evidence must be complete and conclusive before an accused can be convicted thereon. This, however, does not mean that there is any particular or special method of proof of circumstantial evidence. We must, however, guard against the danger of not considering circumstantial evidence in its proper perspective, eg, where there is a chain of circumstances linked up with one another, it is not possible for the court to truncate and break the chain of circumstances. In other words where a series of circumstances are dependent on one another they should be read as one integrated whole and not considered separately, otherwise the very concept of proof of circumstantial evidence would be defeated. The learned sessions judge seems to have fallen into this very error. In the instant case, instead of taking all the circumstances together, which are undoubtedly circumstantial and closely linked up with one another, the learned Sessions Judge has completely misdirected himself by separately dealing with each circumstance thereby making a wrong approach while appreciating the circumstantial evidence produced in the case.
>
> … It is not possible for us to consider the various chains of circumstance, mentioned above, in isolation by divorcing them from the other circumstances which are closely interlinked with them …

[25] The Court of Appeal of Maryland, United States, in *Pressley v State* 295 Md 143 [1983], penned the well-settled law on circumstantial evidence as follows:

> Circumstantial evidence is not like a chain which falls when its weakest link is broken, but is like a cable. The strength of the cable does not depend upon one strand, but is made up of a union and combination of the strength of all its strands. No one wire in the cable that supports the suspension bridge across Niagara Falls could stand much weight, but when these different strands are all combined together, they support a structure which is capable of sustaining the weight of the heaviest engines and trains. We therefore think it is erroneous to speak of circumstantial evidence as depending on links, for the truth is that in cases of circumstantial evidence each fact relied upon is simply considered as one of the strands and all of the facts relied upon should be treated as a cable.
>
> (Lihat juga kes *Public Prosecutor v Chee Cheong Hin Constance* [2006] SGHC 99, terutama di perenggan 77– 84.)

[22] Selepas meneliti kesemua keterangan yang dikemukakan dalam kes ini, mahkamah membuat penemuan fakta bahawa kelima-lima tertuduh terlibat dengan pembuatan (*manufacturing*) methamphetamine di kilang tersebut seperti yang dipertuduhkan. Alasan mahkamah ialah seperti berikut:

(a) berdasarkan penemuan pelbagai peralatan dan bahan-bahan yang boleh digunakan untuk memproses dadah di tempat di mana kelima-lima tertuduh ditangkap, tidak syak lagi bahawa kilang itu ialah 'drug manufacturing setting'. Penemuan peralatan dan bahan tersebut adalah menyokong kesimpulan bahawa kilang tersebut telah digunakan sebagai 'a clandestine drug laboratory'. SP4 dalam keterangannya menegaskan bahawa premis kilang tersebut telah digunakan sebagai makmal haram untuk membuat/memproses dadah berbahaya methamphetamine berdasarkan:

(i) penemuan sisa bahan kimia *ephedrine* atau *precursor* penting dalam penghasilan dadah berbahaya methamphetamine;

(ii) terdapatnya selinder-selinder gas yang mengandungi gas Hidrogen Klorida (HCI);

(iii) penemuan bahan-bahan kimia dan barangan lain yang diperlukan untuk menghasilkan methamphetamine seperti asid sulfurik, asid hidroklorik, sodium hidroksida, *iodine, toluence, acetone* dan *potasium dihydrogen phosphate*;

(iv) terdapatnya alat radas kaca *round bottom neck* dan *thermometer* yang mempunyai kesan methamphetamine, alat timbang, dapur memasak dan gas domestik;

(v) penemuan bahan-bahan berhablur dan cecair yang mengandungi methamphetamine;

(vi) penemuan sisa-sisa cecair dan mendakan putih dan perang yang mempunyai kesan-kesan methamphetamine; dan

(vii) peralatan-peralatan lain yang mempunyai kontiminasi kesan-kesan methamphetamine (lihat keterangan SP4 di ms 81–82 nota keterangan).

(b) pintu pagar hadapan kilang tersebut adalah merupakan satu pintu 'roller-shutter' dan berkunci. Pintu 'roller-shutter' tersebut terpaksa dikumpil dengan menggunakan peralatan 'kuku kambing' dari bawah ke atas semasa serbuan dibuat oleh pasukan polis ke kilang tersebut bagi membolehkan SP5 dan pasukannya memasuki kilang tersebut. Ini menunjukkan mereka ingin menyembunyikan kegiatan haram mereka di dalam premis kilang tersebut. Tidak ada sebarang rumah kediaman atau kedai-kedai di sekeliling kilang tersebut;

(c) terdapat 'nexus' antara kelima-kelima tertuduh dengan eksibit-eksibit salah yang dirampas. Kelima-lima tertuduh ditangkap di dalam premis kilang. Kedudukan gambarajah di eksh P25I dan P251K telah dijelaskan oleh P13. Kelima-lima tertuduh sebenarnya ditangkap di dalam premis kilang kerana terdapat dinding di sekeliling perimeter kilang tersebut. Mahkamah menerima keterangan yang dberikan oleh saksi-saksi pendakwaan dalam aspek keterangan ini;

(d) beberapa pakaian tertuduh didapati mempunyai kesan methamphetamine seperti berikut:

(i) T-shirt kelabu tertuduh pertama (P11C(1));

(ii) seluar jeans biru jenama 'Exhaust' tertuduh kedua (P11G(1)); dan

(iii) baju berjenama 'Camel' tertuduh ketiga (P11E(1)).

(e) SP4 mengesahkan bahawa, kecuali tertuduh kedua dan tertuduh keempat, *'hand swab' tangan kanan atau kiri* yang diambil oleh SP9 (DSP Safawi bin Mat Salleh) daripada semua tertuduh (P11H(1) hingga P11H(10)) di tempat kejadian mengandungi kesan methamphetamine;

(f) SP12 (Mohd Izuan bin Othman — ahli kimia) mengesahkan bahawa *profail DNA kesemua tertuduh dijumpai* pada barang-barang kes berikut:

(a) seluar dalam (P186), seluar dalam (P188) dan berus gigi (P200) — tertuduh pertama;

(b) seluar dalam (P195) — tertuduh kelima;

(c) sarung tangan (P202) — tertuduh ketiga;

(d) kapas kesat (P211) — tertuduh keempat; dan

(e) sarung tangan (P194) — tertuduh ketiga, keempat dan kelima.

(g) SP11 (Ngsman Hj Sanin) mengesahkan bahawa *cap jari tertuduh kelima* wujud pada 'lifting card' J1 (P163);

(h) berhubung dengan pembuktian pengetahuan, ia adalah merupakan suatu perkara inferens yang hanya boleh dibuat dari fakta-fakta dan keadaan yang dikemukakan dalam sesuatu kes (lihat *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19). Hakim Abdul Aziz Mohamed HMR (ketika itu) berkata dalam kes *Surentheran a/l Selveraja v Public Prosecutor* [2006] 1 MLJ 641 di ms 646; [2005] 2 CLJ 264 di ms 269:

> There is, if at all, very seldom available direct proof of the knowledge that is necessary to constitute possession. In almost every case, proof of knowledge has to be by way of inference from the proven circumstances. One set of circumstances differs from another. In any given case, whether knowledge is inferable depends on the particular circumstances of the case and a proper appreciation of them. We have to look at the particular circumstances of this case and assess them independently, without being influenced by what may have been decided in some other case under a different set of circumstances.

(i) Dalam kes *People v Lagata* , GR No 135323, June 25, 2003, 404 SCRA 671, 676, mahkamah Filipina menyatakan:

> Since courts cannot penetrate the mind of an accused and thereafter state its perceptions with certainty, resort to other evidence is necessary. Animus possidendi, as a state of mind, may be determined on a case-to-case basis by taking into consideration the prior or contemporaneous acts of the accused, as well as the surrounding circumstances. Its existence may and usually must be inferred from the attendant events in each particular case.

(j) melihat kepada keseluruhan fakta dan keadaan yang wujud dalam kes ini, mahkamah membuat penemuan fakta bahawa kelima-lima tertuduh mengetahui dan terlibat dalam pembuatan (*manufacturing*) methamphetamine kerana mereka berada di dalam 'drug manufacturing setting' di premis kilang tersebut untuk suatu waktu yang lama, iaitu selama empat hari, termasuk hari mereka ditangkap pada 4 Mac 2008. Pakaian kesemua tertuduh, berus gigi dan juga makanan iaitu makanan dalam tin dan makanan mee segera dijumpai di dalam satu bilik tengah di tingkat bawah. Lapan buah tilam dan bantal juga dijumpai. Ini menunjukkan bahawa mereka berada di kilang tersebut pada waktu siang dan malam;

(k) mengikut SP5, kesemua tertuduh apabila ditemui berada dalam keadaan ketakutan dan pakaian mereka tak terurus, seolah-olah baru habis melakukan kerja. Mengikut SP5, 'mereka dalam ketakutan mungkin kerana berdepan dengan kami anggota polis dan kedudukan tempat itu tempat memproses dadah. Kami kenalkan diri sebagai polis, itu sebab mereka takut'. Dalam kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* diputuskan:

(2) (oleh Augustine Paul HMP) Reaksi perayu yang kelihatan terkejut atau tergamam apabila polis mendekatinya jelas diterima di bawah s 8 Akta Keterangan 1950 ('Akta') memandangkan ia mempunyai beban secara langsung atas fakta isu kerana dadah tersebut dijumpai tersimpan di bahagian depan seluar jean yang dipakai olehnya. Penjelasan untuk reaksinya oleh itu hendaklah diberikan oleh perayu sendiri seperti yang dikehendaki oleh s 9 Akta. Walau bagaimanapun, oleh kerana perayu tidak memberi apa-apa penjelasan untuk reaksinya apabila didekati oleh polis, ia boleh digunakan dengan sah sebagai keterangan terhadapnya. Dalam keadaan berikut, inferens yang diperoleh dari keterangan adalah bahawa ia mengetahui apa yang dibawanya (lihat perenggan 39).

(l) Berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud dalam kes ini, mahkamah berpendapat bahawa kelima-lima tertuduh bukanlah secara kebetulan berada di premis kilang tersebut bekerja tetapi adalah merupakan 'participants' dalam memproses methamphetamine di kilang tersebut. Justeru, eksibit salah adalah berada dalam milikan bersama mereka. (Seksyen 34 Kanun Keseksaan adalah terpakai.)

[23] Dalam kes ini, bagi menyokong hujahan mereka, kedua-dua peguambela dan timbalan pendakwa raya terpelajar telah merujuk kepada kes-kes yang diputuskan di Amerika Syarikat berhubung dengan kesalahan pembuatan dadah. Pada pandangan mahkamah, adalah tidak salah untuk dibuat rujukan kepada keputusan kes-kes di bidang kuasa lain, terutama keputusan kes-kes dari bidang kuasa Komanwel bagi tujuan memperkayakan perbendaharaan undang-undang kita. Walau bagaimanapun, sikap berhati-hati hendaklah diambil dalam merujuk kepada kes-kes yang diputuskan oleh bidang kuasa lain kerana kedudukan undang-undang berhubung dengan dadah di Amerika Syarikat adalah berbeza dengan undang-undang dadah Malaysia. Di Amerika Syarikat sendiri, undang-undang berhubung dengan dadah adalah berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain.

[24] Fakta kes-kes yang dirujuk oleh kedua-dua pihak adalah berbeza dengan fakta kes di hadapan mahkamah ini. Seperti yang dibuat pemerhatian oleh Hakim Shanker dalam kes *Pendakwa Raya v Kang Ho Soh* [1992] 1 MLJ 360: '… it is well established that the reasons given by a judge for arriving at a conclusion of fact is not to be treated as law and therefore citable.'

ISU (B): KERAGUAN IDENTITI EKSIBIT-EKSIBIT SALAH (*OFFENDING EXHIBITS*)

[25] Peguambela terpelajar tertuduh-tertuduh menumpukan sebahagian besar hujah mereka kepada isu ini. Adalah dihujahkan bahawa terdapat keraguan yang serius mengenai identiti eksibit-eksibit salah tertentu dalam kes

ini. Terdapat keraguan dan percanggahan mengenai eksibit-eksibit yang boleh menjejaskan berat, deskripsi, pembungkusan, penandaan dan kandungan.

[26] Mengikut peguambela terpelajar tertuduh-tertuduh, percanggahan-percanggahan tersebut, telah tidak diberi penjelasan oleh pihak pendakwaan. Kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil saksi-saksi yang releven untuk menerangkan rantaian keterangan, dihujahkan sebagai memudaratkan ('fatal') kes pendakwaan dan faedahnya perlu diberikan kepada tertuduh-tertuduh.

[27] Peguambela terpelajar tertuduh-tertuduh telah membuat hujahan yang terperinci mengenai perkara ini di peringkat kes pendakwaan dan juga diulangi di akhir perbicaraan kes. Secara ringkasnya, hujahan tersebut adalah berkisar kepada perkara-perkara yang berikut:

(a) kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan keterangan bahawa eksibit-eksibit yang dirampas di kilang tersebut oleh SP5 adalah eksibit-eksibit yang sama yang diserahkan kepada SP4 (ahli kimia) untuk dibuat analisis;

(b) eksibit-eksibit yang dianalisis oleh SP4 bercanggah dari segi deskripsi, warna dan 'texture' dari pengecaman yang dibuat oleh SP4, SP5 dan SP13 di premis kilang;

(c) tidak terdapat keterangan yang menjelaskan mengapakah terdapat perbezaan deskripsi antara eksibit-eksibit yang ditanda 'B3', 'B7', 'B9', 'B29', 'B30', 'B31' dan 'C150' oleh SP4 pada 4 Mac 2008 dan 5 Mac 2008 dan eksibit-eksibit yang diterima oleh SP4 untuk analisis pada 7 Mac 2008;

(d) terputusnya rantaian keterangan mengenai pengendalian eksibit apabila SP4 (ahli kimia) menerimanya daripada SP13 (pegawai penyiasat) bagi tujuan 'drug profiling';

(e) eksibit-eksibit tertentu telah dikacauganggu;

(f) kacauganggu terhadap label keselamatan Jabatan Kimia Malaysia dan selefon tape berlabelkan Jabatan Kimia Malaysia;

(g) terdapat eksibit-eksibit yang hilang daripada lock-up polis, JSJN, IPK Johor (lihat Pelangi Report No 4491/08 eksh P238); dan

(h) terdapat beberapa eksibit yang dirampas oleh SP13 yang masih belum dikenalpasti sehingga kini oleh saksi-saksi pendakwaan dan tidak dikemukakan kepada mahkamah.

KEPUTUSAN MENGENAI ISU (B)

[28] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa pihak pendakwaan

berkewajipan untuk membuktikan bahawa eksibit-eksibit, terutama dadah yang dikemukakan di mahkamah yang menjadi hal perkara pertuduhan adalah eksibit yang sama yang telah dirampas pada hari kejadian. Dalam kes *Gunalan a/l Ramachandran & Ors v Public Prosecutor* [2004] 4 MLJ 489; [2004] 6 AMR 189; [2004] 4 CLJ 551, Abdul Hamid b Mohamad HMR (ketika itu) berkata:

> What has to be proved is that it is the substance that was recovered that was analysed by the chemist and found to be heroin, cannabis, etc, and it is for trafficking of the same substance that the accused is charged with.

[29] Mahkamah telah meneliti kesemua keterangan yang berkaitan seperti yang dibangkitkan oleh peguambela tertuduh-tertuduh dan berpendapat bahawa identiti eksibit-eksibit yang berkaitan tidak menimbulkan sebarang keraguan yang boleh dibuat kesimpulan bahawa ia telah ditukar, diganti dan/atau diubahsuai sebelum analisis terhadapnya dibuat oleh ahli kimia. Alasan-alasan mahkamah ialah seperti berikut:

(a) rekod keterangan menunjukkan bahawa ahli kimia (SP4) telah dapat mengecam satu per satu eksibit-eksibit yang belum dibuat analisis (lihat nota keterangan di ms 101–118). SP4 sendiri telah mengambil gambar-gambar eksibit tersebut di tempat kejadian (lihat eksh P27(1–40));

(b) pada 14 September 2009, mahkamah telah bersidang di tempat kejadian. Di situ, SP4 telah mengecam eksh ID33 – ID126A–N (lihat ms 120–127 nota keterangan);

(c) SP4 telah menjalankan pemeriksaan dan analisis di tempat kejadian iaitu di kilang tersebut selama dua hari berturut-turut, iaitu pada 4 Mac 2008 dan 5 Mac 2008. SP4 telah mengarahkan SP13 (Pegawai penyiasat) menghantarkan eksibit-eksibit yang telah pun dibuat analisis dan/atau ujian ke Jabatan Kimia Johor untuk pemeriksaan lanjut. Terdapat sebanyak 22 eksibit yang dihantar oleh SP13 kepada SP4 pada 7 Mac 2008, lebih kurang pada jam 5.56 petang, iaitu dua hari selepas analisis pertama dijalankan (lihat eksh P24, resit penerimaan Jabatan Kimia);

(d) eksibit-eksibit yang dihantar oleh SP13 kepada ahli kimia (SP4), untuk analisis lanjut telah dipulangkan kembali kepada SP13 pada 7 Julai 2008, jam 3.35 petang;

(e) kesemua eksibit dalam kes ini telah dicamkan oleh SP4, pegawai serbuan (SP5), dan pegawai penyiasat(SP13);

(f) SP13 telah memberi penjelasan mengenai kehilangan eksibit semasa memberi keterangan di mahkamah pada 26 Januari 2011. SP13 mendapati bahawa kehilangan eksibit pada 31 Julai 2008, iaitu empat minggu selepas beliau menerimanya daripada SP4 pada 7 Julai 2008 (lihat eksh P238, iaitu Taman Pelangi Report 449/08). SP4 juga

mengesahkan mengenai kehilangan eksibit semasa disoal balas, iaitu, beliau menyedarinya semasa beliau melawat kilang untuk mengecam eksibit pada 14 September 2009 (lihat ms 130 nota keterangan);

(g) pada 18 September 2008, SP4 menerima daripada SP13 beberapa eksibit lagi yang ditanda S1–S6 (lihat eksh P26 resit penerimaan Jabatan Kimia). SP4 menyatakan bahawa terdapat beberapa kesan kacauganggu ('tempering') kepada beberapa eksibit (lihat ms 84, 87, 89, 91, 92, 93 dan 93 nota keterangan). Perlu ditekankan bahawa eksibit-eksibit ini adalah dihantar oleh SP13 selepas didapati beberapa eksibit yang hilang pada 31 Julai 2008 seperti yang dijelaskan di atas;

(h) SP4 tidak pernah disoal balas mengenai isu identiti eksibit antara tarikh-tarikh 5 Mac 2008 dan 7 Mac 2008 (lihat ms 128–130 nota keterangan);

(i) mengenai terdapat percanggahan deskripsi bentuk dan warna beberapa eksibit, pada pandangan mahkamah, ia tidak fatal kepada kes pihak pendakwaan. Dalam kes *Tan Ong Keong v Public Prosecutor* [2012] 5 MLJ 186; Abdul Wahab Patail HMR, semasa memberi penghakiman Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

> [12] It was submitted that variations in the description of the exhibits in the search list. From Kimia 14 and its annex created a doubt as to the identity of the exhibits. Two packets were described in the Kimia 14 by SP5 as 'bahan Kristal jernih kekuningan' while the third was stated to be 'bahan serbuk putih kekuningan'. The annex to the same document described all three packets as containing 'bahan Kristal cerah 53 kekuningan'. And in the search list completed by SP5 and signed by both SP5 and the appellant, the substance in the three packets were described as containing 'bahan Kristal keputihan'.
>
> [13] Perusal of the record shows that Puan Wahizam bt Abdul Wahid SP4, before who the bag containing the packets were opened, described the three packets wrapped in transparent plastic contained 'bahan Kristal jernih keperangan'. She had marked the exhibits and had identified the exhibits in court. She identified the 'Borang Penyerahan Barang-Barang Kes' that she prepared and signed. We observe the three packets were described as containing 'bahan Kristal kejernihan'. Nowhere was their description of the colour of the substance put to these two key witnesses, to enable the court to consider their answers, whether they were mere differences in description or reflected a reasonable doubt that the substance submitted to the Chemistry Department with Form 14 and the substance found in the black bag belonging to the appellant at theinternational arrival hall were not the same. The terms 'keperangan', 'kejernihan', 'kekuningan' and 'keputihan' are terms of general description, and does not mean the substance was exactly 'perang', 'jernih', 'kuning' or 'putih'. The combination of the prefix

'ke' and suffix 'an' to the words correspond to the use in the English language of the suffix 'ish', as in 'goldish', 'clearish', 'yellowish' and 'whitish' to describe a general property. Furthermore, colour comes in an infinite number of shades. As often as not, descriptions of colour depend as much upon the acuity of vision and ambient light as upon one's command of language, particularly vocabulary, to describe the shade precisely. Hence, unless tested in cross-examination, and the answers in cross-examination show that the differences in description were more than just linguistics, very little weight can be given to the differences. The differences in description as a ground was not addressed in the submissions and in the grounds of decision because it was neither raised nor did it form part of the defence. Evidently these limitations were recognised at the trial. It was not made an issue before the relevant witnesses. In the circumstances, the learned judicial commissioner cannot be said to have erred.

[14] We observe also that these differences of description were made by the same person, SP5, whose testimony at the trial in respect of the substance he took custody of and delivered to the Chemistry Department, remained unchallenged and therefore unshaken in cross-examination. It leaves no room for doubt therefore that the substance found in the three packets in the bag and the substance submitted to the Chemistry Department for analysis are the same.

(j) Dalam nada yang sama, Zulkefli Makinudin HMP (ketika itu) berkata dalam kes *Wan Yurillhami bin Wan Yaacob & Anor v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 749; [2010] 1 CLJ 17 seperti berikut:

[25] The learned trial judge did not find any doubt created in respect of the identity of the pills. He had given his reason for doing so (see pp 227–228 of the appeal record). I am of the view there are no flaws as regards the findings and conclusions made by the trial judge on the drug exhibits. It is to be noted that the drug exhibits in this case were counted by SP5 in the presence of both the appellants after they were arrested and there is no suggestion of tampering of the drug exhibits. I am in agreement with the trial judge and the Court of Appeal that there was no doubt as to the identity of the pills that were seized. The pills that were seized by SP5 and subsequently handed over to SP6 and further analysed by SP4, the chemist are the same pills. The difference in the evidence given by SP4, SP5 and SP6 of the markings on the pills in my view only tends to show the level of observation exercised by a particular witness in examining the said exhibits. *It is not unreasonable for two or more witnesses seeing the same object to give a different description. In this case SP4, being a chemist, it can be said that he would be more observant and detailed in examining the pills as exhibits of the case.* (Penekanan ditambah.)

(k) Berdasarkan keterangan yang ada, adalah jelas bahawa kacauganggu

('tampering') seperti yang dinyatakan oleh SP4 dalam laporannya (SP128) hanyalah berhubung dengan beberapa eksibit tertentu yang *telah diserahkan semula kepadanya* pada 18 September 2008 selepas Taman Pelangi Report 4491/88 (P238) dibuat. Pada ketika itu, analisis telahpun dijalankan terhadap eksibit-eksibit tersebut;

(l) selepas meneliti kesemua keterangan tentang pengecaman dan pengendalian eksibit dalam kes ini, mahkamah berpuas hati bahawa tidak terdapat keterangan yang boleh menunjukkan bahawa eksibit-eksibit berkenaan telah ditukar/ganti dan/atau diubah sebelum ia dihantar untuk analisis oleh ahli kimia (SP4). Tanpa keterangan tersebut, pada pandangan mahkamah, pegawai-pegawai yang terlibat (SP4, SP5 dan SP13) dengan pengendalian eksibit-eksibit berkenaan hendaklah dianggap sebagai telah menjalankan tugas mereka dengan penuh intergriti (lihat s 114 ilustrasi (e) Akta Keterangan 1950).

ISU (3): SAMA ADA KETERANGAN DNA OLEH SP12 BOLEH DITERIMA OLEH MAHKAMAH

[30] SP12 (Encik Mohd Izhan bin Othman) dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau telah menjalankan pemprofilan *deoxyribonucleic acid* ('DNA') dengan menggunakan teknik *polymerase chain reaction* ('PCR') bagi beberapa eksibit. Beliau telah menyediakan Laporan seperti di eksh P233. Semasa dipanggil semula untuk disoal-balas, SP12 bersetuju bahawa beliau 'ada menggunakan Bayesian approach' iaitu berdasarkan statistik.

[31] Nampaknya jawapan ringkas SP12 tersebut telah menjadi suatu isu besar kepada peguambela tertuduh-tertuduh yang berhujah bahawa pendekatan tersebut menjadikan analisis yang dibuat oleh SP12 adalah tidak tepat. Rujukan kepada kes, antara lain, *R v Doheny and Adams* [1997] 1 Cr App R 369; *R v T* [2010] All ER (D) 240 (Oct); [2010] 1 EWCA Crim 2439. Kes-kes tersebut menekankan tentang pentingnya sikap berhati-hati diambil dalam menerima Bayesian Theorem. Dalam kes *R v T* mahkamah menyatakan:

> On the question of whether it was permissible to use mathematical formulae and likelihood ratios based on statistics to arrive at an evaluative opinion … there was no sufficiently reliable basis for an expert to be able to express an opinion based on the use of a mathematical formula.
>
> *… no attempt could realistically be made in the generality of cases to use a formula to a calculate the probabilities. That practice had no sound basis and it was clear that it was settled law that outside the field of DNA, that Bayes theorem and likelihood ratios should not be used.*

A … In the instant case, in the light of all the evidence, the conviction was not safe. The process by which the evidence had been adduced lacked transparency. *The practice of using a Bayesian approach and likelihood ratios to formulate opinions placed before a jury, without that process being disclosed and debated in court, was contrary to principles of open justice.* The calculations used by the expert in the instant case, which were more favourable to the defendant, were not put before the jury. Had that evidence been put before the jury, applying the test in *R v Pendleton*, it might reasonably have affected its decision to convict.

(Penekanan ditambah.)

C KEPUTUSAN MENGENAI ISU (C)

[32] SP4 dan SP12 telah memberi keterangan pakar ('expert evidence'). Undang-undang menghendaki seseorang pakar membuktikan yang beliau sebenarnya berkompeten untuk menjalankan pemeriksaan atau membuat analisis dan memberi keterangan mengenai sesuatu perkara yang beliau dipanggil memberi keterangan. Undang-undang juga menghendaki beliau menjelaskan penemuannya dan alasan-alasan penemuan tersebut (lihat s 45 Akta Keterangan 1950; *Syed Abu Bakar v Public Prosecutor* [1984] 2 MLJ 19 terutama di ms 23; *Junaidi bin Abdullah v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 217 terutama di ms 229; *Dato Mokhtar bin Hashim v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232 terutama di ms 255; *Public Prosecutor v Muhamed bin Sulaiman* [1982] 2 MLJ 320 terutama di ms 323; *Chan Kwee Fong v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 441 di ms 372; [2010] 3 CLJ 671 terutama di ms 689 (perenggan 9); *Public Prosecutor v Loo Seng Yip* [2004] 8 CLJ 496 terutama di ms 506).

[33] Berhubung dengan SP12, berdasarkan kepada kelayakan akademik dan pengalaman beliau, pada pandangan mahkamah, telah memenuhi kehendak-kehendak untuk menjadi seorang saksi pakar. SP12 juga menjelaskan bahawa terdapat makmal di ibu pejabat Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya di mana peralatan utamanya ialah *real time PCR (polymerase chain reaction), thermal cycler* dan *genetic analyser*. Makmal DNA serta peralatan di Jabatan Kimia Malaysia adalah serupa dengan makmal-makmal lain di seluruh dunia. Manakala prosedur yang dijalankan dalam menjalankan ujian DNA merupakan prosedur yang diterima pakai oleh para saintis antarabangsa (lihat ms 23 nota keterangan).

[34] Kes *Doheny and Adam v R* telah menetapkan panduan mengenai kebolehpercayaan ('reliability') keterangan DNA. Walau bagaimanapun, kita mesti mengambil perhatian bahawa penemuan ringkas dalam kes *Doheny and Adam v R* adalah berdasarkan kepada teknik yang terdapat pada masa tersebut. Terdapat banyak kaedah bagi mengemukakan profil/DNA dan perkembangan pesat teknologi telah membaiki kaedah yang digunakan.

[35] Dalam kes *R v Doheny and Adams*, analisis telah dijalankan dengan merujuk kepada enam lokus sahaja, sedangkan dalam kes semasa, dengan menggunakan teknologi terbaharu, iaitu teknik PCR, ia telah menggunakan 15 lokus STR (*short tandem repeats*) dan satu lokus amologenin diperbanyakkan melalui proses PCR (*polymerase chain reaction*).

[36] Dalam kes *R v Bates* [2006] EWCA Crim 1359, Mahkamah Rayuan United Kingdom telah memutuskan bahawa walaupun sebahagian sahaja keterangan profil/DNA dikemukakan, namun ia boleh diterima masuk dengan syarat para juri diberi maklum tentang kekangan-kekangan ujian tersebut dan penjelasan diberi bagi membolehkan penilaian dibuat terhadapnya. Mahkamah menyatakan:

> In arriving at the correct conclusion it is important to remember that scientific evidence frequently only provide a partial answer to a case or to an issue in a case. However, the test of admissibility is not whether the answer is complete, but whether science can properly and fairly contribute to matter in question …

[37] Seperti yang dinyatakan dalam kes *R v Doheny and Adams*, keterangan DNA jika berdiri secara persendirian atau terasing mungkin tidak mencukupi untuk mengaitkan tertuduh dengan kesalahan yang dipertuduhkan tetapi ia boleh menjadi 'corroborative strand', yang jika ia dihubung/disambungkan dengan keterangan yang lain, boleh menjadi satu tali yang kukuh untuk mensabitkan tertuduh (lihat juga kes *Hanafi bin Mat Hassan v Public Prosecutor* [2006] 4 MLJ 134; [2006] 3 CLJ 269; *Md Masud Rona Md Mofizudin lwn Pendakwa Raya* [2011] 1 MLJ 538, Mahkamah Rayuan).

[38] Semasa disoal balas, SP12 tidak bersetuju dengan cadangan peguambela tertuduh-tertuduh bahawa terdapat 'contamination pada Eksibit P204 (sarung tangan)'. Seterusnya SP12, menyatakan bahawa 'statistik hanya diberikan (diambil) sebagai panduan untuk menunjukkan profil tersebut. Bangsa seseorang tidak memainkan peranan dalam keunikan profil. Yang penting ialah bilangan lokus yang dikira. Semakin tinggi bilangan lokus, semakan tinggi keunikannya' (lihat ms 83 nota keterangan).

[39] Dalam keterangan mereka, SP4 dan SP12 telah memberi penjelasan dan alasan yang terperinci mengenai pemeriksaan dan analisis yang telah mereka jalankan dan kesimpulan yang telah dicapai. Tidak dapat dipertikaikan bahawa mereka adalah merupakan dua orang ahli kimia yang berkompeten. Mereka telah menjalankan pemeriksaan dan analisis yang diperlukan dan tidak terdapat apa-apa alasan bagi mahkamah menolak keterangan mereka. Tidak ada apa-apa aspek keterangan mereka yang boleh dikatakan 'incredible'.

[40] Dalam kes *Public Prosecutor v Lam San* [1991] 3 MLJ 426, Mahkamah Agung memutuskan:

> (1) In regard to the evidence of the chemist, unless the evidence is so inherently incredible that no reasonable person can believe it to be true, it should be accepted as prima facie evidence. As long as the evidence is credible, there is no necessity for the chemist to show in detail what he did in his laboratory. The evidence of the chemist in this case was more than sufficient as basis to call for the defence, granted that all the other ingredients of the offence had been successfully proved.

[41] Seterusnya, di ms 428 mahkamah menyatakan:

> Looking at the evidence of the chemist in its totality, we found it difficult to accept the doubt of the learned judge at the close of the prosecution case to be a doubt arriving at on a rational basis. PW5 was a highly qualified chemist who had served the Department of Chemistry for 22 years and had testified as an expert witness in many court cases.

[42] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, mahkamah telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap kelima-lima tertuduh. Oleh itu, kelima-lima tertuduh telah diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan asal.

PERMOHONAN UNTUK MENGKAJI SEMULA (*REVIEW*)

Keputusan prima facie

[43] Peguambela terpelajar kelima-lima tertuduh telah membuat permohonan kepada mahkamah supaya keputusan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie dikaji semula atas alasan bahawa eksibit-eksibit yang dirampas di tempat kejadian adalah berbeza dengan apa yang dihantar kepada ahli kimia untuk dianalisis dan bahawa eksibit-eksibit telah tercemar dan menimbulkan keraguan sama ada eksibit-eksibit yang dikemukakan di mahkamah adalah apa yang sebenarnya dirampas di tempat kejadian. Mahkamah telah menolak permohonan tersebut. Satu penghakiman yang berasingan telah disediakan (lihat kes *Lim Hung Wang & Ors v Public Prosecutor* [2011] 9 MLJ 752; [2011] 7 CLJ 318).

[44] Peguambela terpelajar tertuduh-tuduh telah membuat rujukan undang-undang ke Mahkamah Persekutuan mengenai isu sama ada Mahkamah Tinggi boleh menggunakan kuasa sedia ada (*inherent powers*) untuk mengkaji semula kes prima facie. Rayuan juga telah dibuat kepada Mahkamah Rayuan.

[45] Saya difahamkan bahawa Mahkamah Persekutuan mendapati permohonan tersebut adalah tidak teratur dan merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah. Rayuan ke Mahkamah Rayuan telah ditarik balik. Ini adalah kerana keputusan kes prima facie bukanlah merupakan suatu 'keputusan' yang boleh dirayukan dalam makna s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

[46] Kelima-lima tertuduh telah memilih untuk memberi keterangan atas sumpah dari kandang saksi.

Tugas mahkamah di akhir kes pembelaan

[47] Seksyen 182A(1) Kanun Acara Jenayah ('KAJ') memperuntukkan bahawa di akhir perbicaraan kes, mahkamah hendaklah menimbang kesemua keterangan yang dikemukakan di hadapannya dan hendaklah memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah. Bagi membolehkan pelepasan dan pembebasan mereka, kelima-lima tertuduh hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Dan sekiranya apa-apa anggapan statutori terpakai terhadap mereka, beban yang perlu dilepaskan ialah atas imbangan kebarangkalian ('on the balance of probabilities'), (lihat kes-kes *Mohd Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263; *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89; *Subramaniam a/l Arumugam v Public Prosecutor* [2000] 2 MLJ 193; [2000] 2 CLJ 1;*Pang Chee Meng v Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 137; *Ganapathy a/l Regasamy v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 577), *Gunasegaran a/l Singaravelu v Public Prosecutor* [2009] 7 MLJ 761).

[48] Dalam *kes Azhar bin Lazim v Public Prosecutor*, Mahkamah Rayuan menyatakan:

> A credible defence is a defence that answers the evidence of the prosecution. It is purely a question of fact whether the explanation of the defence is capable of raising a reasonable doubt. All too often, and the present appeal is not an exception, the,accused is condemned by his own conduct (*Public Prosecutor v Reza Mohd Shah bin Ahmad Shah* [2002] 4 MLJ 13; [2002] 1 LNS 157; *Krishna Rao Gurumurthi v Public Prosecutor and another appeal* [2009] 2 CLJ 603 (FC); *Amathevelli P Ramasamy v Public Prosecutor* [2009] 3 CLJ 109 (FC); and *Pendakwa Raya v Lim Hock Boon* [2009] 1 LNS 53; [2009] 2 AMR 768 (FC)). It is necessary for the accused to explain his conduct.

KES PIHAK PEMBELAAN

[49] Keterangan yang dikemukakan oleh kelima-lima tertuduh dalam pembelaan mereka bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) Tertuduh pertama (Lim Hung Wang)

(i) Tertuduh pertama, ialah seorang warganegara Singapura. Sebelum

datang ke Malaysia, beliau bekerja sebagai penjaja dengan menjual baju di 'China Town' di Singapura. Beliau juga pernah menjadi subkontraktor bagi paip air dan kerja-kerja mengecat serta memasang mozet. Kerjanya di Singapura tidak menentu. Jika ada kawannya yang mendapatkan kerja-kerja di Malaysia, beliau juga akan membuat kerja-kerja di Malaysia;

(ii) beliau telah diperkenalkan oleh kawannya 'Jackie/Ah Wai' kepada seorang yang bernama 'Kok Peng'. 'Kok Peng' telah menawarkan beliau kerja sebagai tukang cuci di kilang yang dinyatakan dalam pertuduhan dengan gaji harian sebanyak RM60. Mengikut tertuduh pertama, 'Kok Peng' memberitahunya bahawa seseorang akan mengangkut beliau untuk pergi ke kilang tersebut. Orang berkenaan ialah tertuduh kedua (Lee Boon Siah);

(iii) pada hari kejadian, tertuduh pertama bersama-sama dengan tertuduh-tertuduh yang lain berada di belakang luar kawasan kilang di mana mereka ketika itu sedang berbincang mengenal tempat bagi membuang sampah-sarap yang telah dibersihkan di premis kilang tersebut;

(iv) tertuduh pertama dan tertuduh-tertuduh lain, ditangkap oleh pihak polis di tempat yang ditandakan sebagai 'X' atas ekshP23A (iaitu rajah kasar yang disediakan oleh SP4, ahli kimia), iaitu di luar belakang kilang tersebut. 'Kok Peng' juga dikatakan ditangkap di kilang tersebut;

(v) selepas ditangkap, mereka telah digari dan dibawa ke suatu bilik yang ada televisyen di dalam premis kilang itu untuk bersalin baju. Kemudiannya, mereka dibawa ke kawasan hadapan kilang di tempat yang ditandakan sebagai 'Y' atas eksh P23A. Mereka berada di situ dalam keadaan mencangkung sehingga tengah malam di mana selepas itu mereka dibawa ke Balai Polis; dan

(vi) tertuduh pertama menafikan sebarang pengetahuan tentang eksibit-eksibit salah ('offending exhibits') yang berada dalam kilang tersebut kerana ia berada di dalam bilik-bilik yang berkunci yang beliau tidak mempunyai akses terhadapnya.

(b) Tertuduh kedua (Lee Boon Siah)

(i) beliau kembali dari Holand dalam tahun 2007 selepas bekerja di sana sebagai tukang masak. Beliau tinggal di Georgetown, Pulau Pinang bersama emaknya. Akibat dari tabiatnya yang suka berjudi kuda, beliau berhutang dengan 'Ah Long' dan terpaksa melarikan diri dan bersembunyi di Johor Bahru. Di Johor Bahru, beliau berkenalan dengan seorang bernama 'Vincent Lim' yang telah

menawarkan kerja membuat belon secara haram. Belon tersebut boleh dicetak dan boleh dituliskan perkataan-perkataan bagi tujuan iklan ('advertisement');

(ii) kemudiannya, tertuduh kedua, atas arahan 'Vincent Lim', berjumpa dengan SP6 dan menandatangani satu perjanjiaan sewaan ('tenancy agreement') iaitu P154 bagi menyewa kilang tersebut. Tertuduh kedua menyatakan bahawa 'Vincent Lim' telah menyuruh beliau menggunakan kad pengenalan orang lain iaitu Ong Chin Chai. Passport beliau juga menggunakan nama tersebut. Ini adalah kerana perniagaan belon tersebut ialah suatu perniagaan haram (tidak berlesen). Bayaran sewa disediakan oleh 'Vincent Lim' dan dibankkan setiap bulan ke dalam akaun bank SP6. Sewa bulanan ialah RM4,600 dan dua bulan deposit sebanyak RM9,200 telah dibayar kepada SP6;

(iii) perniagaan belon dikatakan tidak berjalan dengan baik selepas beberapa bulan. Justeru, 'Vincent Lim' telah memajak-kecil (subleased) kilang tersebut kepada 'Sim Kok Peng'. Beliau tidak tahu apakah jumlah sewa yang dikenakan. 'Sim Kok Peng' kemudiannya telah menawarkan tertuduh kedua untuk bekerja sebagai tukang cuci di kilang yang sama;

(iv) dengan menggunakan kenderaan Honda MPV yang dikatakan kepunyaan 'Sim Kok Peng', tertuduh kedua telah mengangkut tertuduh-tertuduh untuk pergi ke kilang tersebut bagi menjalankan kerja-kerja membersih/mencuci kilang tersebut, sehinggalah mereka dan 'Sim Kok Peng' ditangkap oleh polis. 'Sim Kok Peng' adalah orang yang dikatakan akan membuka pintu hadapan kilang tersebut untuk dimasuki oleh mereka apabila mereka sampai di kilang tersebut setiap hari; dan

(v) tertuduh kedua menafikan sebarang pengetahuan tentang eksibit-eksibit salah yang terdapat di kilang tersebut. Beliau juga menafikan ada membawa eksibit-eksibit tersebut ke kilang tersebut dan terlibat dalam pemerosesan methamphetamine di kilang tersebut. Eksibit-eksibit salah tersebut dikatakan berada di bilik No 2 seperti yang terdapat dalam rajah kasar P23A di mana ia adalah bercermin gelap dan berkunci serta beliau tidak mempunyai sebarang ekses terhadapnya.

(c) Tertuduh ketiga, keempat dan kelima (Jose Regino Gonzalez Villarreal, Simon Gonzalez Villarreal dan Luis Alfonso Gonzalez Villarreal)

(i) Keterangan mereka akan dibincangkan secara bersekali kerana terdapat banyak persamaan fakta antara mereka. Mereka adalah tiga orang adik-beradik dari Mexico;

(ii) tertuduh ketiga dan keempat telah datang ke Malaysia sebanyak dua kali, kali pertama ialah pada bulan September 2007. Pada bulan Februari 2008, kesemua mereka telah datang ke Malaysia selepas ditawarkan untuk bekerja di Singapura oleh seorang warganegara Malaysia bernama 'Richard';

(iii) di Malaysia, mereka tinggal di rumah 'Richard'. Selepas beberapa ketika, 'Richard' mencadangkan mereka pergi bekerja ke Vietnam. Mereka pergi ke sana sebanyak dua kali dan kemudiannya balik ke Mexico. Selepas itu, mereka kembali semula ke Malaysia dalam bulan Februari 2009. Kemudiannya, 'Richard' memperkenalkan mereka kepada 'Ah Peng', yang memberitahu mereka bahawa terdapat peluang kerja di Singapura. 'Ah Peng' memerlukan passport dan sijil pengendali 'kren' bagi membolehkan permit kerja diperolehi di Singapura;

(iv) kemudiannya, mereka telah berpindah ke rumah 'Ah Peng' di Sentosa, Johor Bahru. Sementara menunggu kerja di Singapura, 'Ah Peng' telah menawarkan mereka kerja sebagai tukang cuci di kilang tersebut. Seorang yang bernama 'Ah Seng' (tertuduh kedua) akan mengangkut mereka dengan kenderaan Honda;

(v) apabila sampai di kilang tersebut, 'Ah Peng' akan menunggu mereka dan membuka pintu hadapan kilang. Mereka bekerja di kilang tersebut selama empat hari iaitu sehingga 4 Mac 2008, apabila mereka ditangkap oleh pihak polis; dan

(vi) mereka mengatakan bahawa mereka ditangkap oleh pihak polis di tempat bertanda 'X' atas eksh P23A, iaitu tempat di mana 'Ah Peng' menyuruh mereka membuang sampah-sarap. Tempat ini terletak di luar bahagian belakang kilang tersebut. Dua orang lelaki Cina, salah seorangnya ialah 'Ah Peng' juga ditangkap di kilang tersebut. Mereka menafikan mengetahui mengenai eksibit-eksibit salah ('offending exhibits') yang terletak di dalam bilik-bilik yang mereka tidak mempunyai akses terhadapnya kerana berkunci.

ANALISIS KETERANGAN TERTUDUH-TERTUDUH

[50] Selepas meneliti dengan mendalam kes pembelaan bersama-sama dengan kes pihak pendakwaan, mahkamah berpendapat bahawa keterangan kesemua tertuduh bahawa mereka berada di premis kilang tersebut sebagai tukang cuci adalah tidak munasabah. Berdasarkan keterangan ikut keadaan yang terdapat dalam kes ini, tertuduh-tertuduh berada di premis kilang tersebut sebenarnya adalah bertujuan untuk membuat methamphetamine.

[51] Keterangan tertuduh ketiga, keempat dan kelima tentang tujuan kedatangan mereka ke Malaysia, tidak boleh diterima oleh mahkamah. Jika sebenarnya mereka dijanjikan oleh 'Richard' untuk mendapatkan pekerjaan di Singapura, kenapakah mereka tidak terus pergi ke Singapura dan sebaliknya bekerja di Malaysia sebagai tukang cuci yang mereka sendiri tidak akan melakukannya di Mexico. Mereka datang ke Malaysia sebenarnya bertujuan melakukan pekerjaan yang boleh membawa keuntungan yang besar, iaitu membuat methamphetamine.

[52] Mahkamah berpendapat bahawa adalah merupakan satu helah yang tidak dapat diterima apabila kelima-lima tertuduh mengatakan mereka hanya bekerja sebagai tukang cuci semasa mereka ditangkap. Ini terutamanya tertuduh ketiga, keempat dan kelima yang datang dari suatu tempat yang jauh, iaitu Mexico. Kilang tersebut merupakan satu kilang yang kosong. Justeru, keterangan bahawa mereka menjalankan kerja-kerja mencuci dan membuang sampah-sarap di kilang tersebut tidak selaras dengan kesemua keterangan dan keadaan yang wujud.

[53] Keterangan kelima-lima tertuduh yang menyatakan bahawa kesan-kesan methamphetamine terdapat pada pakaian mereka kerana mereka telah melakukan kerja-kerja membersih peralatan dan bahan serta sampah-sarap di premis kilang tersebut adalah tidak munasabah kerana pakaian di bahagian dalam badan tertuduh tertentu seperti seluar dalam juga mempunyai kesan methamphetamine. Mahkamah mendapati penjelasan mereka adalah tidak munasabah.

[54] Kelima-lima tertuduh menafikan bahawa mereka mempunyai pengetahuan tentang eksibit-eksibit salah yang dirampas kerana eksibit-eksibit tersebut berada di dalam bilik-bilik yang berkunci dan mereka tidak mempunyai akses. Mahkamah telah menyemak keterangan yang dikemukakan dan mendapati keterangan tentang bilik-bilik yang berkunci ini tidak dinyatakan oleh saksi-saksi pihak pendakwaan. Apa yang dinyatakan oleh SP13 ialah bilik pertama dan kedua di tingkat bawah kilang tersebut mempunyai pintu masuk kayu dan berkunci jenis tombol (lihat ms 71 nota keterangan). SP13 tidak menyatakan bahawa bilik-bilik tersebut dikunci. SP4 dan SP5 dalam keterangan mereka langsung tidak menyatakan bahawa mereka perlu membuka pintu bilik-bilik berkenaan dengan menggunakan kunci apabila pemeriksaan terhadap eksibit-eksibit dibuat di bilik-bilik tersebut. Soalan-soalan mengenai perkara ini juga tidak dikemukakan oleh peguambela tertuduh-tertuduh kepada saksi-saksi pendakwaan terutama kepada SP5 yang mengetuai serbuan di dalam premis kilang tersebut. Perkara ini hanya berbangkit semasa tertuduh-tertuduh memberi keterangan dalam pembelaan mereka sahaja. Justeru, pembelaan mereka adalah 'afterthought' dan/atau 'recent invention' dan meragukan serta tidak kredible. Dalam kes *Public*

Prosecutor v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561 di ms 586; [1992] 4 CLJ 2086, di ms 2092, Hakim Mahkamah Agung, Edgar Joseph Jr berkata:

> Indeed, it behoves the defence to do so (to put its case at the earliest possible stage) for we need hardly say that if a defence is sprung in court for the first time when the accused makes his defence from the witness box or the dock, so that the prosecution is taken by surprise, the accused runs the risk of being criticised for keeping his defence 'up his sleeve' so to speak, and it branded as a recent invention.
>
> The whole purpose of the defence having to put its case to the prosecution's witness is for the prosecution to check on whether the the accused's version of facts is true or false. It is also for the purpose of avoiding an adverse comment by the prosecution that such a defence is a recent invention.

[55] Peguambela terpelajar tertuduh-tertuduh berhujah bahawa tidak terdapat milikan eksklusif dalam kes ini kerana seorang yang bernama 'Sim Kok Peng' dan seorang lelaki Cina lain telah juga ditangkap dan dibawa oleh pasukan serbuan untuk mencangkung di hadapan premis kilang tersebut bersama-sama dengan kelima-lima tertuduh. Pegawai Penyiasat (SP13) mengesahkan tangkapan dibuat terhadap 'Sim Kok Peng' yang kemudiannya telah ditahan di bawah s (c) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 atas alasan terlibat dengan pengedaran dadah. Justeru, dihujahkan, tidak terdapat milikan eksklusif di pihak kelima-lima tertuduh. Rujukan dibuat kepada kes-kes berikut:

(a) *Ibrahim Mohamad & Anor v Public Prosecutor* [2011] 4 CLJ 113;

(b) *Public Prosecutor v Kang Ho Soh* [1992] 1 MLJ 360; [1991] 3 CLJ 2914;

(c) *Public Prosecutor v Alcontra a/l Ambross Anthony* [1993] 1 CLJ 206;

(d) *Public Prosecutor v Tang Chew Weng* [1969] MLJ 17; dan

(e) *Abdullah Zawawi bin Yusoff v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 1.

[56] Mahkamah telah meneliti isu ini dan mendapati bahawa 'Sim Kok Peng' yang dikatakan ditangkap pada 4 Mac 2008 bersama-sama dengan mereka di kilang tersebut sebenarnya ialah orang yang bernama 'Lai Kok Fan' (seperti yang disahkan oleh Laporan Polis Sentral 5208/08 (ID250)). Beliau ditangkap pada hari yang sama (4 Mac 2008), lebih kurang jam 7 petang, di dalam sebuah kereta bernombor daftar JFW 6800 di Kampung Melayu Majidee *vide* Laporan Polis Sentral 1086/08 (ID249). Adalah jelas, bahawa 'Sim Kok Peng' tidak berada di kilang ketika kelima-lima tertuduh ditangkap. Perkara ini disokong oleh keterangan SP5 dan Laporan Polis Senai Report 982/08 (D158). Adalah merupakan fakta yang tidak dapat dipertikaikan bahawa kawasan Taman Industri Senai dan Kampung Melayu Majidee berada dalam jarak yang berjauhan antara satu sama lain.

[57] Mahkamah tidak mempunyai apa-apa alasan untuk tidak mempercayai keterangan SP15 dalam aspek ini (lihat kes *Public Prosecutor v Mohamed Ali* [1962] MLJ 257; *Public Prosecutor v Teh Cheng Poh* [1980] 1 MLJ 251; *Pendakwa Raya v Aedy bin Osman* [2009] MLJU 39; [2009] 1 LNS 13; *Public Prosecutor v Mohd Bandar Shah bin Nordin & Anor* [2008] 4 MLJ 556; [2008] 4 CLJ 859; *Public Prosecutor v Abd Latif bin Sakimin* [2005] 6 MLJ 351).

[58] Tambahan pula, Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan bahawa adalah tidak sesuai untuk dinyatakan bahawa pemilikan sesuatu barang dalam undang-undang jenayah bermakna pemilikan eksklusif. Apabila kita bercakap tentang pemilikan di bawah undang-undang, persoalannya adalah sama ada seseorang itu mempunyai pemilikan atau tidak. Hal ini dijelaskan oleh Abdul Aziz Mohamad HMP dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Denish a/l Madhavan* [2009] 2 MLJ 194 di ms 201–202; [2009] 2 CLJ 209 di ms 217–218:

> It is inappropriate to speak of possession of an article in criminal law as exclusive possession. One is either in possession or not in possession, although one could be in possession jointly with another or others. To say that the prosecution of a drug case fails because there has been no proof of exclusive possession is apt to convey the wrong impression that it is only in cases where possession is entirely with one person, — that is, exclusive — that a conviction is possible. When the learned trial judge said 'The accused sought to negative the proof of exclusive possession …', we take it that he meant no more than that the respondent sought to show that he was not in possession of the drugs because he had no knowledge of their existence and that the drugs could have been placed in in his bags by some other person or persons.
>
> The idea of exclusivity features in the meaning of possession in criminal law as one of the elements necessary to constitute possession. As Taylor J said in *Leow Nghee Lim v Reg* [1956] MLJ 28; [1955] 1 LNS 53:
>
> > … It is often said that possession must be exclusive. This is ambiguous. Possession need not be exclusive to the accused. Two or more persons may be in joint possession of chattels, whether innocent or contraband. The exclusive element of possession means that the possession or possessors have the power to exclude other persons from enjoyment of the property.
> >
> > Custody likewise may be sole or joint and it has the same element of excluding others. The main distinction between custody and possession is that a custodian has not the power of disposal. The statement that possession must be exclusive is often due to confusion of the fact to be proved with the evidence by which it is to be proved. It is essential to keep this distinction clearly in mind, especially when applying presumptions.
>
> Thomson J, in *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] 1 LNS 17, said that possession for the purposes of criminal law involves possession itself — which some authorities term 'custody' or 'control' — and knowledge of the nature of the thing possessed. As to possession itself he cited the following definition in *Stephen's Digest* (9th Ed), p 304, in which the exclusive element mentioned by Taylor J appears:

A

> A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it is owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need.

B

> *Once the elements needed to constitute possession are established, including the element of exclusive power to deal, then what is established is possession, not exclusive possession. So much for exclusive possession.* (Emphasis added.)

[59] Mahkamah telah membuat pemerhatian teliti tentang *demeanour* C kelima-lima tertuduh semasa mereka memberi keterangan. Mahkamah mendapat tanggapan bahawa mereka bukanlah merupakan saksi-saksi yang kredible. Dalam banyak aspek keterangan, mereka adalah 'economical with the truth'.

D PEMATAHAN ANGGAPAN PENGEDARAN

[60] Peguambela terpelajar dalam hujahan bertulis di akhir kes pembelaan menyatakan seperti berikut di ms 8:

E

> Accordingly if this Court should on a balance of probabilities find that the 2nd, 3rd, 4th and 5th accused version is compatible with his innocence he should be given the benefit of the doubt and be acquitted of the offence with which he is charged.

F **[61]** Mahkamah tidak ada masalah untuk bersetuju dengan rujukan kes-kes yang dikemukakan oleh peguambela terpelajar tertuduh-tertuduh mengenai beban yang perlu dilepaskan oleh mereka terhadap anggapan statutori pengedaran di bawah s 37(da) ADB 1952 iaitu *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89; *Mohamad Radhi bin Yaacob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 dan *Public Prosecutor v Ku Yahya Ku Bahari* [2003] 3 CLJ 113. G

[62] Dalam kes *Subramaniam a/l Arumugam v Public Prosecutor* [2000] 2 MLJ 193; [2000] 2 CLJ 1, Mohamad Dzaiddin HMP (ketika itu) berkata:

H

> … it is incumbent for the court to consider whether on balance of probability, the evidence of the defence has rebutted the statutory presumption of trafficking under s 37(da) …

[63] Dalam kes ini berat methamphetamine yang menjadi hal perkara I pertuduhan ialah 29,460.17g. Jumlah ini adalah merupakan satu jumlah yang besar dan mempunyai nilai pasaran jalanan sebanyak RM44 juta. Tidak syak lagi dadah berbahaya tersebut adalah bertujuan untuk diedarkan. Kelima-lima tertuduh tidak mencadangkan ia adalah untuk kegunaan mereka sendiri (*for their own comsumption*). Kalau cadangan tersebut dikemukakan sekalipun, ia

adalah tidak munasabah. Tidak ada apa-apa keterangan yang dikemukakan yang boleh menjelaskan pemilikan jumlah dadah yang besar ini. Justeru, mereka telah gagal mematahkan anggapan statutori pengedaran di bawah s 37(da) ADB 1952 (lihat kes *Public Prosecutor v Zulkifli bin Arshad* [2004] MLJU 152; [2010] 6 CLJ 121).

[64] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dikemukakan oleh mahkamah sebelum ini, mahkamah memutuskan bahawa tertuduh-tertuduh telah gagal atas imbangan kebarangkalian untuk mematahkan anggapan statutori pengedaran di bawah s 37(da) ADB 1952.

KESIMPULAN

[65] Berdasarkan alasan-alasan yang telah dinyatakan, mahkamah mendapati pembelaan tertuduh-tertuduh telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan juga atas imbangan kebarangkalian, tertuduh-tertuduh telah gagal mematahkan anggapan statutori pengedaran di bawah s 37(da) ADB 1952.

[66] Oleh itu, tertuduh-tertuduh didapati bersalah atas pertuduhan yang dikemukakan terhadap mereka dan disabitkan sewajarnya. Kelima-lima tertuduh dijatuhkan hukuman gantung di leher sampai mati seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Kesalahan disabitkan dan hukuman mati terhadap kelima-lima tertuduh dijatuhkan.

Dilaporkan oleh Ibnu Aswan